Jilid III
Bil. 39

Hari Khamis
13hb Disember, 1973

# PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

## DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KETIGA
*Third Parliament*

## PENGGAL PARLIMEN KETIGA
*Third Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4489]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 4521]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1974 [Ruangan 4521]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

## PENGGAL YANG KETIGA

---

Hari Khamis 13hb Disember, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

" Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).

" Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).

" Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

" Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

" Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

" Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).

" Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

" Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, Tuan Mohamed bin Ujang, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Tuan Haji Ramli bin Omar, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Mokhtar bin Haji Hashim (Rembau-Tampin).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Tan Sri Haji Nik Ahmed Kamil, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, J.P. (Kelantan Hilir).

„ Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, P.P.T. (Rawang).

„ Tuan Abdul Rahman bin Sbri (Johor Timur).

„ Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun).

„ Penghulu Abit anak Angkin, P.P.N. (Kapit).

„ Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat).

„ Tuan Haji Ahmad bin Arshad, A.M.N. (Muar Utara).

„ Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan).

„ Tuan Haji Ahmad bin Sa'id, J.P. (Seberang Utara).

„ Puan Bibi Aishah binti Hamid Don, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ Tuan Azahari bin Mohd. Taib, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).

„ Datuk Pengarah Banyang anak Janting, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ Tuan Bojeng bin Andot (Simunjan).

„ Tuan Buja bin Gumbilai (Tuaran).

„ Awang Bungsu bin Abdullah (Limbang-Lawas).

„ Tuan Chan Fu King (Telok Anson).

„ Tuan Chan Siang Sun, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Tuan Chan Yoon Onn, A.M.P. (Ulu Kinta).

„ Tuan Chen Ko Ming, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Dr Chen Man Hin (Seremban Timur).

„ Dr Chu Chee Peng (Kluang Selatan).

„ Tuan Valentine Cotter *alias* Joseph Valentine Cotter (Bau-Lundu).

„ Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara).

„ Tuan V. David (Dato Kramat).

„ Tuan Edwin anak Tangkun, A.B.S. (Batang-Lupar).

Yang Berhormat Tuan Fan Yew Teng (Kampar).

„ Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid, j.m.n., p.i.s. (Batu Pahat Dalam).

„ Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim, p.m.n. (Jitra-Padang Terap).

„ Tuan Thomas Selvaraj Gabriel (Pulau Pinang Selatan).

„ Tuan Hanafiah Hussain, a.m.n. (Jerai).

„ Tuan Hashim bin Gera (Parit).

„ Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan).

„ Tuan Hor Cheok Foon (Damansara).

„ Datuk Khoo Peng Loong, p.n.b.s. (Bandar Sibu).

„ Tuan Edmund Langgu anak Saga, p.b.s. (Saratok).

„ Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah).

„ Tuan Lee Seck Fun, k.m.n. (Tanjong Malim).

„ Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka).

„ Tuan Lim Pee Hung, p.j.k. (Alor Star).

„ Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang).

„ Datuk Peter Lo Su Yin, p.g.d.k. (Sandakan).

„ Tuan Luhat Wan (Baram).

„ Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah (Betong).

„ Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (Kota Star Utara).

„ Dr Mohamed bin Taib, p.m.k., p.j.k. (Kuantan).

„ Tuan Haji Mohd. Chik Johari Ondu Majakil (Labuan-Beaufort).

„ Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Kuala Trengganu Selatan).

„ Tuan Mohd. Nor bin Md. Dahan, a.m.n., j.p. (Ulu Perak).

„ Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud, a.m.n. (Temerloh).

„ Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok).

„ Wan Mokhtar bin Ahmad, p.j.k. (Kemaman).

„ Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail, j.s.m. (Perlis Selatan).

„ Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah, j.p. (Pasir Mas Hilir).

„ Tuan Mustapha bin Hussain (Seberang Tengah).

„ Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu).

„ Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, p.m.n., j.m.n., d.p.m.j., p.i.s. (Muar Dalam).

„ Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan).

„ Raja Nong Chik bin Raja Ishak, s.m.s., p.j.k. (Kuala Selangor).

„ Datuk Pang Tet Tshung, p.d.k. (Kota Kinabalu).

Yang Berhormat Pengarah Rahun anak Debak (Serian).

„ Tuan Seah Teng Ngiab, s.m.j., p.i.s. (Muar Pantai).

„ Dr S. Seevaratnam, p.j.k. (Seremban Barat).

„ Datuk Senu bin Abdul Rahman, p.d.k. (Kuala Kedah).

„ Tuan Haji Shafie bin Abdullah, a.m.n., b.c.k. (Baling).

„ Tuan Soh Ah Teck, a.m.n. (Batu Pahat).

„ Dr A. Soorian (Port Dickson).

„ Tuan Su Liang Yu (Bruas).

„ Tuan Sulaiman bin Bulon, p.j.k. (Bagan Datoh).

„ Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim, s.m.k. (Pasir Puteh).

„ Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut).

„ Tuan Tai Kuan Yang, a.m.n., p.j.k. (Kulim-Bandar Bharu).

„ Datuk Tajudin bin Ali, d.p.m.p., p.j.k. (Larut Utara).

„ Tuan Tan Cheng Bee, a.m.n., j.p. (Bagan).

„ Tuan Tiah Eng Bee, p.i.s. (Kluang Utara).

„ Tuan Ting Ming Kiong (Bintulu).

„ Tuan Joseph Unting anak Umang (Kanowit).

„ Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan).

„ Tuan Yeh Pao Tzu, a.m.n. (Tawau).

„ Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang).

## YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, s.m.n., k.o.m. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, Datuk Hussein bin Datuk Onn, s.p.m.j., p.i.s. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin, s.s.m., j.p. (Melaka Tengah).

„ Menteri Perpaduan Negara, Tun V. T. Sambanthan, s.s.m., p.m.n. (Sungai Siput).

„ Menteri Tak Berpotfolio, Tuan Mohamed Khir Johari (Kedah Tengah).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng, p.m.n., p.d.k., p.n.b.s. (Ulu Rajang).

„ Menteri Pertanian dan Perikanan, Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi, p.m.n., d.p.c.m., p.n.b.s. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertahanan, Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah, s.m.k., d.s.r., s.i.m.p. (Raub).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Ong Kee Hui, p.n.b.s. (Bandar Kuching).

„ Menteri Perusahaan Utama, Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud, p.g.d.k. (Samarahan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).

" Menteri tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

" DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

" PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

" TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

" TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

" TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

" TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

" TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

" TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

" TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

" DR LIM CHONG EU (Tanjong).

" TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

" TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

" TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

" TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

" TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

" TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

" DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

" TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

" TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

" DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.T., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

" PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

" DR TAN CHEE KHOON (Batu).

" TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

" DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

" DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

" TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).

" Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Ng Cheng Kuai.
Jamaludin bin Haji Ali.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

# DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

### HARGA BARANG KELUARAN TEMPATAN "EX-FACTORY"

**1. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindastrian, samada beliau sedar bahawa barang-barang buatan Semenanjung Malaysia dijual dengan begitu mahal di Sabah berbanding dengan harganya di Semenanjung Malaysia dan samada Kerajaan akan memberi sabsidi kepada barang-barang ini di negeri Sabah supaya harganya tidak begitu tinggi dan tidak menyusahkan rakyat Sabah untuk menikmati penghidupan baru; jika tidak, apakah rancangan Kerajaan Pusat untuk menurunkan harga barang-barang ini di Sabah.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, "ex-factory" serupa sahaja bagi tiap-tiap pembeli. Mungkin kerana perbezaan kos pengangkutan dan adanya beberapa tingkatan di dalam pengedaran barang-barang itu, harga runcit di Sabah berbeza sedikit dengan harga di Semenanjung Malaysia. Untuk mengurangkan perbezaan harga, Kerajaan sekarang telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan tingkatan pengedaran barang-barang dengan menambahkan lagi pengedar-pengedar supaya peluang-peluang untuk mendapat keuntungan yang berlebihan dapat dikurangkan dan supaya pengguna-pengguna dapat menikmati harga runcit yang berpatutan. Selanjutnya Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah memainkan peranan mereka sebagai "price stabiliser" kerana kemudahan-kemudahan diberi kepada mereka untuk mendapatkan bekalan barang-barang keperluan dengan harga berpatutan.

Kerajaan tidaklah bercadang hendak memberi sabsidi kepada semua barang-barang yang berkenaan di Sabah. Walau bagaimanapun, di mana perlu, langkah-langkah untuk memberi sabsidi secara tak langsong telah pun diambil untuk menurunkan harga sesuatu barang.

### PENIAGA-PENIAGA—PERBUATAN CURANG

**2. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada beliau sedar bahawa peniaga-peniaga di negara ini masih lagi tidak mengindahkan amaran-amaran dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian ini mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan dan jika ya, apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan atas perkara ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1973 Kementerian saya telah memberi beberapa amaran terhadap perbuatan curang dari peniaga-peniaga untuk mencari keuntungan yang berlebihan. Pada bulan Januari, 1973 Kementerian saya telah memberitahu pengilang dan pengedar gula bahawa jika pembahagian gula melalui saluran-saluran biasa tidak berjaya meredakan keadaan pada ketika itu, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang tegas untuk mengadakan sistem pembahagian yang efektif menggunakan segala kuasa-kuasa yang ada di tangan Kerajaan. Hasil daripada amaran ini pengedaran dan harga gula telah dapat dipulih balik kepada peringkat biasa. Seramai 4 penyorok gula telah di dakwa di mahkamah dan mereka telah didenda sebanyak $3,000.

Seterusnya pada bulan Februari, 1973 saya telah juga memberi amaran kepada pekedai-pekedai yang menjual barang tiruan bahawa tindakan akan diambil jika mereka didapati meneruskan amalan ini oleh sebab amalan ini ialah merupakan penipuan harga. Berikutan daripada amaran ini tindakan mahkamah telah diambil ke atas mereka yang didapati bersalah dan didenda dari $150 hingga $2,000.

Pada bulan Ogos tahun ini, saya telah memberi amaran pula kepada pengedar-pengedar tepung gandum yang mencari keuntungan yang berlebihan supaya amalan ini dihentikan dan tindakan yang tegas akan diambil kepada mereka yang didapati bersalah. Berasaskan kepada amaran ini pembekalan dan harga tepung gandum telah dapat dipulihkan kepada keadaan biasa dan

tindakan tegas telah pun diambil di mana pembekal-pembekal telah memberhentikan bekalan-bekalan kepada peniaga-peniaga yang masih ingkar dan degil terhadap amaran saya itu.

Sayugia diingatkan, bahawa amaran-amaran dan tindakan-tindakan tegas oleh Kementerian saya di atas kedudukan barang-barang keperluan khasnya, tidak akan berkesan sekiranya pihak Kementerian tidak diberitahu dengan serta-merta bila-bila juga didapati kejadian-kejadian yang mengakibatkan keadaan buruk ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rakyat jelata sangat menderita oleh kerana bebanan mereka semakin berat kerana kenaikan harga melambong naik sekarang ini. Ada berita yang mengatakan Kementerian yang berkenaan akan meluluskan permohonan kilang-kilang tepung untuk menaikan harga tepung 10 sen atau 20 sen sekati. Oleh kerana harga tepung baharu sahaja dinaikkan pada bulan Ogos oleh Kerajaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan kesusahan rakyat jelata sebelum meluluskan kenaikan harga tepung itu, dan bolehkah diberi jaminan bahawa harga tepung tidak akan naik di masa hadapan?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang sebenarnya tidak ada kaitan terus-menerus dengan soalan asal. Tetapi sukalah saya jelaskan bahawa dari segi soal harga barang-barang keperluan yang di bawah kawalan Kementerian iaitu Kerajaan kita pada masa ini tiap-tiap kali soal harga dibangkitkan dan tiap-tiap kali soal ini dikaji oleh Kerajaan kepentingan rakyat jelata adalah diutamakan. Jadi soal kepentingan rakyat jelata tidaklah berbangkit oleh sebab ini semua dikaji dengan telitinya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Selepas kajian yang teliti oleh Kerajaan yang mengutamakan kepentingan rakyat jelata, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri satu keterangan harga tepung dinaikkan atau tidak.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal harga tepung telah tiba diperingkat suratkhabar dan khabar-khabar angin sahaja. Kenyataan-kenyataannya sedang disiasat oleh Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Sebelum Hari Raya Kerajaan memberi amaran kepada umum untuk mencegah harga barang-barang keperluan menaikkan oleh kerana akan merumitkan rakyat jelata yang akan merayakan hari raya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan dan mengambil tindakan oleh kerana Hari Christmas dan Tahun Bharu Cina akan datang dan mencegah semua harga-harga barang dari dinaikkan.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, semua harga barang-barang naik telah dibincangkan berpuluh-puluh kali di dalam Dewan ini dan soal ini ialah soal kompleks. Tetapi barang-barang yang di dalam kawalan Kementerian yang ada kuasa Kerajaan mengikut undang-undang mengawal harganya di mana Kerajaan tahu pengeluarannya dan di mana Kerajaan boleh mendapat kerjasama daripada segala Kementerian dan segala pihak yang berkenaan mengeluarkan barang-barang itu; tiap-tiap kali ada hari-hari perayaan dan sebagainya pihak Kerajaan mengawasi dan mempastikan bahawa harga barang-barang tidak dinaikkan dengan tidak berpatutan dan dengan tidak ada sebab-sebab yang tertentu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sungguhpun dalam Belanjawan, 1974 cukai impot atas 33 barang telah dihapuskan dan 9 barang telah dikurangkan, tetapi harganya tidak turun. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan untuk menjamin harga barang-barang mana cukai impot sudah dihapuskan atau di kurangkan akan diturunkan dalam harga-harga pasaran untuk faedah rakyat umum.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal yang dihadapan kita ialah soal berapakali amaran-amaran dan arahan-arahan dibuat ke atas barang-barang keperluan. Saya tahu Ahli Yang Berhormat ini memang suka hendak membawa soal harga barang-barang sebab nampaknya inilah modal yang ada di tangan mereka setakat ini. Tetapi minta maaf, saya tidak

hendak berbahas soal ini pada ketika ini, oleh sebab soal ini telah dibahaskan berkali-kali dan telahpun diberi peluang kepada tiap-tiap Ahli Dewan ini membahaskannya sepanjang masa kita mengadakan persidangan ini.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak membahaskan berkenaan hanya barang keperluan tetapi barang-barang keperluan lain iaitu barang-barang binaan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu apa sebabnya Kementerian tidak menjaga berkenaan dengan harga besi. Daripada kilang-kilang Kerajaan iaitu Malayawata harganya memang berpatutan, tetapi ada kilang-kilang yang lain seperti United Steel ataupun Malayan Steel Mill harganya boleh dikatakan tidak sama, misalnya $580 satu tan daripada Malayawata, daripada United Steel lebih kurang $680 dan daripada Malayan Steel Mill $700 lebih. Jadi apa sebabnya harga barang itu bezanya terlampau banyak sangat.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya soalan harga bahan pembinaan seperti besi waja ialah soal kedudukan yang sebenarnya di mana keadaan di dalam negeri kita ialah apa yang dikenal di dalam segi ekonomi sebagai sellers market. Pihak Kementerian menetapkan harga yang difikirkan berpatutan kepada mana-mana juga pengeluar bahan yang berkenaan termasuklah kilang-kilang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi oleh sebab keadaan di dalam negara kita ialah keadaan sellers market, ada terjadi di mana oleh sebab besi waja sangat-sangat dikehendaki, pembeli-pembeli besi waja ini sedia membayar under the counter di antara satu sama lain yang menyebabkan harganya melambung tinggi. Yang menjadi asas kepada keadaan ini ialah seperti yang saya katakan benda ini tidak cukup, sangat dikehendaki, tetapi keluarannya tidak cukup, seperti yang saya jawab satu daripada soalan yang telah dikemukakan beberapa hari yang lepas.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Ini bukannya kerana sellers market, tetapi harga ini diberinya kepada Kementerian. Malayawata memberi kepada Kementerian harganya begini, yang satu lagi begini, kalau dia hendak jual under the counter, berapa banyak pun tidak mengapa, tetapi fixed price yang ditetapkan oleh Malayawata mengapa Malayawata boleh dijagai, syarikat yang lain tidak dijagai. Oleh itu, bolehkah Kementerian tarik balik permit untuk mengilang besinya?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak membeli bahan-bahan ini. Terpulanglah kepada pembeli-pembeli bahan ini melapurkan kepada Kementerian apabila dipastikan bahawa kejadian ini betul-betul berlaku, bukan speculation kita akan mengkaji apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk membaiki kedudukan ini.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Kementerian memang tahu di atas perkara ini. Saya harap Kementerian akan mengambil tindakan di atas perkara ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu macam Menteri!

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Kementerian memang tahu atas harga ini. Dengan sebab itu, bolehkah Kementerian mengambil tindakan di atas perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada jawapan.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soalan asal. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah langkah yang dibuat oleh Kementerian ini supaya dapat diterima oleh pengguna-pengguna, terutama sekali di luar bandar sebagai panduan ketika mereka hendak membeli barang-barang keperluan sehari-hari.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal asal bukanlah soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimana soalannya.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah hendak menghadapi kenaikan harga brang-barang yang dibuat oleh setengah-setengah pekedai, apakah langkah yang dibuat oleh Kementerian ini yang dapat diterima oleh pengguna-pengguna kita, terutama di luar bandar sebagai panduan, ketika mereka hendak membeli barang-barang ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi barang-barang keperluan, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah memberi tahu apakah barang-barang itu. Misalnya gula, gula di Malaysia Barat harganya 45 sen. Tepung, tepung di Malaysia Barat harganya 30 sen sekati. Itulah panduannya kepada rakyat? Kalau rakyat medapati bahawa misalnya gula dijual 50 sen atau 60 sen sekati beritahu kepada Kementerian. Kita mengambil tindakan dan tindakan-tindakan yang tegas telahpun diambil dan telah menyebabkan pengeluaran gula dengan licin dan harganya mengikut apa yang ditetapkan.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Rakyat di luar bandar hendak memberitahu kementerian ini adalah sukar. Bolehkah Kementerian ini memberitahu kepada rakyat di mana tempat yang hampir bagi mereka membuat pengaduan supaya diambil tindakan ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali telah diberi nombor talipon, diberi nombor peti surat, alamat Kementerian dan saya fikir satu daripada unsur ataupun saluran yang terbaik sekali ialah Wakil-wakil Rakyat yang aktif seperti Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Fan Yew Teng:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menunjukkan pada negara bahawa arahan-arahan, amaran-amaran dan lain-lain kepada seksi peniaga telahpun gagal, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri timbangkan dengan telitinya menubuhkan suatu Suruhanjaya Harga-harga Negara (National Prices Commission) yang lebih baik dan boleh diketuai oleh Hakim dari Mahkamah Tinggi yang ada kuasa di dalam kawalan harga-harga ini. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menimbangkan cadangan ini butir-butirnya saya akan beri kepada beliau selepas mesyuarat ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telahpun dikemukakan oleh Secretary-General, DAP sendiri kepada Perdana Menteri dan sudah pun dijawab.

**Tuan Valentine Cotter:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian yang berkenaan tahu perkara ini terhadap pekedai-pekedai kecil di kampung-kampung luar bandar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba lagi sekali!

**Tuan Valentine Cotter:** Adakah pihak Kementerian yang berkenaan tahu di atas perkara ini terhadap pekedai-pekedai kecil di kampung-kampung luar bandar berkenaan dengan harga barang-barang yang dijual hari ini dengan mahalnya seperti di kampung-kampung yang jauh dari bandar ada didapati harga barang-barang yang terlalu mahal, dari pasar.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi barang-barang keperluan di bawah kawalan Kementerian, saya tidaklah tahu, kalau ada, tolonglah beritahu.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian sedar bahawa senarai-senarai harga barang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang disiarkan di radio dan talivisyen itu tidak memberi bekas dan tidak disambut oleh peniaga-peniaga yang tamak pada keuntungan. Misalnya, harga gula dikatakan 45 sen, sawi 30 sen, bila kita pergi membelinya, dikatakan harga 40 sen. Bila kita kata harga yang disiarkan dalam radio 40 sen; katanya pergi beli dengan Menterilah. (*Ketawa*). Adakah Kerajaan akan bertindak kepada peniaga yang semacam itu?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau benar harga gula yang ditetapkan oleh Kerajaan tidak dipatuhi oleh mana-mana pihak, tolong beritahu, saya tidak dapat tahu. Tetapi kalau harga sawi naik, minta maaflah, ini bukan barang kawalan dan ini meliputi segala soalan kenaikan harga barang-barang yang telah dibahaskan beberapa kali.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Harga sawi, pihak Timbalan Menteri telah mengatakan bukan harga kawalan, baiklah beras harga kawalan. Harga beras kalau bukan harga kawalan, saya mengaku kalah (*Ketawa*). Sebab saya lihat Timbalan Menteri di sana sudah menggeleng itu bukan harga kawalan. Tetapi adakah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian tahu harga beras Mahsuri misalnya ditetapkan oleh Kerajaan $3 segantang tetapi sipeniaga meletakkan harga itu $3.30, apabila pembeli berkata Kerajaan tetapkan $3 tetapi awak taruh $3.30. "Ini Kerajaan punya hargalah", katanya. Apa hendak dibuat, ke mana si

pembeli ini hendak mengadu? Adakah Kerajaan akan bertindak demikian itu dan adakah pegawai-pegawai yang menjaga harga barang ini tahu tiap-tiap harga barang, cuma dia datang bawa pensel dengan action dia sahaja (*Ketawa*), adakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan atas perkara yang begini?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya mengatakan bahawa semua barang-barang keperluan pegawai-pegawai tahu harganya. Tetapi soal beras, kita berkehendakkan notis dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu tujukan kepada Perdana Menteri di dalam soalan beras, oleh sebab butir-butirnya kalau dia kata $3.00-$4.00 di sini saya tidak tahu. Ini akan disiasat, kalau benar, tetapi ini berpanjangan daripada soalan asal.

## KERETAPI KUALA LUMPUR-PULAU PINANG

**3. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau sedar bahawa:

(*a*) tempat tidur kelas dua keretapi mel dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang disarangi oleh pijat-pijat;

(*b*) gerabak-gerabak seringkali tidak dibersihkan tandasnya pula terlalu kotor; dan

(*c*) keretapi selalu tidak mengikut jadual waktu, jika tidak bolehkah beliau mengambil tindakan mengadakan lawatan mengejut di stesyen-stesyen untuk membuat penyiasatan.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan teliti telah dilakukan ke semua koc-koc dan didapati tiada tanda-tanda atau sarang pijat-pijat di tempat tidur atau di kain cadar dan juga di sarung tilam. Untuk makluman Yang Berhormat, sarung-sarung tilam tersebut adalah ditukar tiap-tiap dua minggu dan dijemur dan kain cadarnya diganti selepas dipakai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiap-tiap dua minggu? Patutlah banyak pijat-pijat (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Yang Berhormat ini selalu hendak tahu detail, maka dengan sebab itu kalau tidak tahu diajar sedikit, lain kali kalau dia hendak bertanya dia beri nombor koc atau tarikhnya, boleh jadi benda ini dua tiga tahun dahulu, kita tidak tahu. Itulah sebab saya katakan, Yang Berhormat tolonglah beri nombor koc dan tarikh kerana sudah disiasat tidak ada sarang pijat-pijat itu. Boleh jadi penumpang-penumpang (passengers) yang naik ini dia bawa beg, dalam begnya itu ada pijat-pijat (*Ketawa*). Jadi pijat-pijat itu mengikut orang yang bawa beg (*Ketawa*). Inilah yang menjadikan selalu kita sahaja menerima desakan dan menerima bala yang dikatakan kita jaga pijat-pijat atau ada sarang pijat-pijat dalam keretapi ini.

(*b*) Kebanyakan koc-koc Kelas II yang berkhidmat sekarang ini dilengkapkan dengan tandas komode (stove enamelled) dan catnya terkeluar oleh kerana dicuci dengan "detergent" tiap-tiap hari. Ini boleh merupakan tandas itu kelihatan tidak bersih, nampak hitam.

Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa kebanyakan penumpang-penumpang tidak peduli memancutkan air di tandas setelah menggunakan tandas tersebut—cuba periksa sendiri tengok, betul atau tidak betul. Yang Berhormat tentulah tahu tandas-tandas koc-koc keretapi ini adalah dibasuh tiap-tiap hari disembur dengan "deodrants" sebelum koc-koc itu digunakan. Sebagai express yang berhenti di Ipoh walaupun tengahari ataupun malam yang mana express pergi ke Pulau Pinang tandas-tandas akan diperiksa lagi dan sekiranya kotor akan dibasuh dan disembur juga dengan "deodrants" dan kerja-kerja ini diawasi dengan teliti—ada supervisor. Kalau lebih daripada itu tidak boleh dibuat oleh pihak keretapi, apa hendak buat lagi.

(*c*) Adalah tidak benar yang ke semua keretapi-keretapi tidak mengikut jadual waktunya selalu. Kelambatan-kelambatan adalah disebabkan cuaca yang tidak menyenangkan iaitu waktu gelap, waktu licin, waktu hujan lebat dalam bulan September, dan tambahan pula adanya kerja-kerja meletak semula landasan-landasan yang dikerjakan oleh Jabatan Kejuruteraan, telah menambahkan banyak lagi masa diambil

ke atas Perintah-perintah Awas semasa perjalanan keretapi-keretapi itu, kalau tidak nanti tergelincir lagi.

Saya boleh mengambil tindakan untuk pergi ke stesyen-stesyen secara mengejut tetapi ini tidak ada gunanya, kerana sebab-sebab kelambatan itu tidak akan diketahui oleh Ketua-ketua Stesyen oleh kerana keretapi-keretapi itu berjalan di seksyen-seksyen yang panjang yang mana terkeluar dari kawasan-kawasan kuasa Ketua-ketua Stesyen itu.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi ada mengatakan yang kain-kain ditukar dua minggu sekali, kalau dua minggu sekali kita tukar tentu ada pijat-pijat lagi pun barang-barang lain ada juga. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu kenapa tiap-tiap hari kita nampak dalam suratkhabar rakyat ada menulis, mengatakan kotor dalam keretapi, tidak bersih. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat perkara ini, bukan sahaja memberi satu jawapan dalam Dewan ini; saya minta bolehkah disiasat? Kalau tidak disiasat, tidak diambil tindakan di masa akan datang ini boleh merosakkan public transport kita. Saya minta satu jaminan dari Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Apa soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan V. David:** Kalau saya beri No. keretapi itu bolehkah saya mendapat satu jaminan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri boleh menyiasat perkara itu betul-betul, bukan sahaja kakitangan Kerajaan memberi satu lapuran dan lapuran itu Yang Berhormat Menteri baca dalam Dewan ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau pergi menyiasat, saya boleh memberi No. dan haribulannya.

Soalan No. 3 (*c*), ada juga di suatu masa keretapi daripada Singapura—Railcar bertolak pukul 1.30 petang dan sampai di sini pada pukul 12.30 malam. Biasanya keretapi sampai di sini pada pukul 7.30 malam. Dalam suratkhabar ada juga . . . . . . . .

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, apa pertanyaanya?

**Tuan Yang di-Pertua:** (*Kepada Tuan V. David*) Apa pertanyaan tambahannya?

**Tuan V. David:** Saya minta jaminan dari Yang Berhormat Menteri, kalau saya memberi No. coach bolehkah Yang Berhormat Menteri sendiri menyiasat?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Menteri tidak menjadi mandur, tetapi saya memberi pengakuan di sini, saya akan arahkan Pengurus Besar Keretapi dan pegawai-pegawai yang berkenaan apabila dapat No. coach dan tarikhnya dan kalau Ahli Yang Berhormat itu ada kelapangan kita akan jemput dia sendiri menyaksikan bersama-sama. Yang kita tidak hendak memberitahu dengan betul—kenapa? Kita hendak kebaikan. Kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Pertanyaan beliau selalunya pertanyaan umum, dari suratkhabar. Saya suka menerangkan saya tidak bercakap yang bedsheet itu ditukarkan dua minggu sekali. Tiap-tiap bed sheet itu, tiap-tiap hari yang sudah dipakai ditukarkan. Cushion cover itu yang dua minggu sekali ditukarkan. Bedsheet kalau sudah dipakai ditukarkan tiap-tiap hari. Kalau ada complaint mengatakan kotor beritahu, kita akan ambil tindakan. Tetapi kalau cakap angin keluar asap di dalam Dewan Yang Berhormat ini, kita tak terima.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya, iaitu saya ada menaiki keretapi dan juga menanti orang datang daripada Johor ke Kuala Lumpur dan keretapi ini memang lambat, selalu lambat. Adakah Menteri yang bertanggungjawab itu boleh membuat baik, bukannya untuk mencerca; bolehkah bertindak supaya keretapi ini selalu betul timenya daripada lambat. Itu soalan (*a*) dan soalan (*b*)nya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Buatlah satu-satu dahulu.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah menjawab soal lambat-lekas ini, biarkan lambat, asalkan selamat. Apabila sudah banyak derailment, kita soal juga. Sebab itu kita kena mengikut peraturan-peraturan membaiki rel.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Lambat asalkan selamat memang benar, tetapi tidak ada ribut, tidak ada hujan, tidak ada apa-apa, lambat juga, bolehkah perkara ini dapat dibetulkan?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ahli Yang Berhormat ini tidak dengar. Ada kalanya waktu hujan, waktu ribut, waktu gelap, itu adalah satu alasan. Lagi satu alasan waktu rel itu diperbaiki, jadi tidak boleh lari laju, kalau laju tergelincir. Kalau Ahli Yang Berhormat itu ada dalam keretapi yang menjadi penumpang (passenger) nanti merbahaya kepada beliau.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri Perhubungan. . . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana ada keretapi di Parit? (*Ketawa*).

**Tuan Hashim bin Gera:** Keretapi di Parit tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sampan banyak. Saya hendak bawa Menteri menaiki sampan. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Perhubungan mengetahui baharu-baharu ini, pada 10hb Disember sebuah keretapi bertolak daripada Stesyen Kuala Lumpur yang membawa Gerabak Kelas III, pukul 8.30 dan 9.30nya Gerabak Kelas I dengan Kelas II. Maka Gerabak Kelas III ini telah bertolak daripada Kuala Lumpur pada pukul 8.30 menuju ke Singapura, tetapi apakala sampai ke Stesyen Sungai Besi keretapi ini sudah berhenti dan sampai pukul 2.00 malam tidak berjalan sehingga penumpang-penumpangnya telah rungsing, anak-anak kecil semuanya menangis, tetapi tidak mendapat satu keterangan daripada pegawai stesyen keretapi, daripada guardnya, daripada pemandunya, apa sebab keretapi ini berhenti sampai pukul 2.00 malam? Akhirnya kepala keretapi itu berpusing pergi ke buntut, tarik balik ke Kuala Lumpur. (*Ketawa*) Apabila sampai di sini penumpang-penumpang yang hampir 1,000 itu berjerit-pekik meminta tambang balik, maka baharulah pengisytiharan dikeluarkan oleh Penguasa di perhentian keretapi mengatakan Keretapi Kelas I dan II akan bertolak pada pukul 9.00 pagi. Dan keretapi tadi yang sudah bertolak dahulu, yang gostan ke belakang itu akan bertolak pada pukul 10.00 pula. Adakah Kementerian Perhubungan mengetahui mengapa tidak diberi penerangan kepada rakyat penumpang-penumpang dan sebab lewat? Ada yang mengatakan keretapi terbalik, ada yang mengatakan bom meletup, macam-macam hal. Apa sebabnya diberi penerangan oleh Pegawai Perhubungan Keretapi kepada orang ramai, mengapa keretapi itu jadi demikian?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan baharu, saya minta notis. Saya tidak tahu apa kejadiannya. Ada 1,001 macam kejadian dalam keretapi. Saya akan siasat atas perkara itu.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, bila mendengar jawapan Menteri —beliau tidak tahu, itulah kata Pepatah orang Melayu. . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini apa? Soalan tambahan atau apa?

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalannya mengikut di belakang.

Bersuluh di bulan terang, tertawa harimau.
Bergalah ke hilir, tertawa buaya.

Seorang Menteri yang menjaga tidak tahukan hal ini, berapa hari lamanya? Jadi, apakah tindakan yang akan dibuat? Adakah Menteri akan menyiasat?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu complaint pada saya semalampun. Ini boleh sempat menyediakan jawapan. Ini saya hendak menalipon sekarang saya dalam Dewan Rakyat, saya tidak boleh menalipon. (*Ketawa*) Macamana? Beliau fikir saya ini wali Allah, boleh tahu apa jadi.

**Tuan Ahmad bin Haji Ithnin:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan berhubung dengan kelambatan dan kadangkala masa-masa yang dijadualkan tidak sampai sebab rel selalu mendapat kerosakan. Adakah rancangan Kementerian supaya menukarkan satu sistem rel yang baharu supaya sesuai semua masa perjalanan keretapi dapat ditentukan untuk penumpang-penumpang, dan kalau tidak, adakah pula rancangan Kementerian yang berkenaan menutup seterusnya perjalanan

keretapi penumpang, tinggal keretapi barang-barang sahaja.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada sebuah Jawatan-kuasa yang telah menyelidik hendak meng-gantikan beberapa panjang dan kita sudah tempah 104 batu rel itu. Sayapun sedang mengarahkan supaya ditutup seminggu keretapi, kalau perlu, tidak ada perjalanan untuk penumpang (passengers) kerana kita tidak hendak merbahayakan; barang ter-golek tidak apa, jangan manusia jadi mangsa. Ini sedang diusahakan dan dise-lidik atas perkara-perkara ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya tidak payah minta notis, senang sahaja. Yang Berhormat Menteri ada biasa memberi pijat-pijat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini ditujukan kepada saya!

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, sudah silap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau silap sila duduk!

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri samada beliau biasa memberi pijat-pijat makan di tempat tidur di Kelas II atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalannya? Saya tidak faham. Cuba tanya sekali lagi!

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kali ini berkenaan dengan pijat-pijat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pijak-pijak?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya tidak mahu pijak dia. Pijat-pijat—bugs, Sir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Pijat. (*Ketawa*)

**Tuan Ng Hoe Hun:** Beliau tidak beri jalan macamana hendak hancurkan pijat-pijat di tempat tidur. Saya hendak bertanya, adakah rancangan bagi membinasakan pijat-pijat itu?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Perkara itu kita akan periksa kerana perkara ini baharu ditanyakan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Ber-hormat Menteri menggunakan insecticide bagi memusnahkan pijat-pijat ini.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan arahkan per-khidmatan keretapi menggunakan apa juga ubat yang baik supaya boleh memusnahkan apa juga serangga, bukan sahaja bugs, kalau ada orang yang jahat hendak jadi bug dia pun mati juga (*Ketawa*).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya dapati Keretapi Tanah Melayu tidak menggunakan racun-racun untuk memusnahkan pijat-pijat ini. Bolehkah beritahu apakah racun yang di-gunakan. Cakap sahaja ada menggunakan tetapi pijat-pijat selalu menggigit penum-pang-penumpang keretapi. Mengapa cakap sahaja, ambillah tindakan, apakah cara yang digunakan bagi memusnahkan pijat-pijat.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya kata benda ini pijat-pijat, boleh jadi cencorot, kerana ada orang barangkali bawa barang makanan dalam keretapi. Kalau ada alat yang boleh membinasakan segala binatang dan juga pijat-pijat itu lebih elok, bukan sahaja pijat-pijat ini yang saya maksudkan. Ubat yang membahayakan manusia kita tidak taruh di dalam keretapi.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Semalam dan hari ini juga mengatakan keretapi ini lambat oleh kerana landasannya sudah licin ataupun gerabaknya sudah lama dan saya dengar iaitu landasan dan gerabak baharu akan dibeli. Saya hendak bertanya adakah Kerajaan akan mengubah jalan keretapi di antara Kuala Lumpur ke Sungai Besi itu, kerana kalau tidak diubah macam mana landasan atau gerabak baharu pun di situ setengah jam mesti lambat oleh kerana tanah di situ lembik. Adakah rancangan Kerajaan untuk mengubah jalan ke tempat yang lain.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Itu soalan lama dan saya sudah jawab banyak kali di Dewan ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Ini berkenaan dengan keretapi di Stesyen Taiping selalu sampai tidak mengikut jadual (not on schedule). Mengikut jadual keretapi akan sampai di Taiping daripada Kuala Lumpur pada pukul 4.00 petang tetapi selalu sampai pukul 6.00 petang, apakah sebabnya.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya tidak hendak jawab kerana ini soalan yang baharu.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar ada tempat dalam Kelas 3 di keretapi kita telah dicoreng-corengkan oleh manusia dengan lukisan lucah. Adakah Kementerian ini hendak mengekalkan lukisan ini atau hendak di-hapuskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain bunyinya?

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Ini termasuk dalamhal kekotoran dalam keretapi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pulangkan kepada Menteri samada hendak dijawab ataupun tidak.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak jawab.

**Tuan Hor Cheok Foon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan, bilakah Kerajaan akan menukar gerabak-gerabak keretapi yang masih digunakan waktu ini kerana saya tahu semuanya sudah berusia lebih daripada 50 tahun.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Berkenaan dengan jadual waktu Keretapi Tanah Melayu, bolehkah Yang Berhormat Menteri menukarkan masa sampai itu daripada pukul 4.00 petang kepada pukul 6.30 petang.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ini soalan yang baharu. Samada boleh ataupun tidak boleh tulis surat dan kita akan timbangkan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Mengikut jadual waktu, soalan bahagian (*c*), mengapa tidak ada bersangkut-paut dengan soalan saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau bersangkut sekalipun, kalau Yang Berhormat Menteri tidak suka hendak menjawab itu terpulang kepada beliau. Bukan boleh dipaksa dia mesti menjawab tiap-tiap soalan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tidak mahu jawab suruh Yang Berhormat Menteri cakap yang beliau tidak mahu jawab (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini tak faham. Soalan lambat tidak mengikut jadual sudah dijawab. Apa perkara yang baharu yang hendak ditanyakan lagi?

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soal lambat tidak mengikut jadual dan berbagai-bagai telah diterangkan. Saya juga dapat tahu di dalam mesyuarat yang lalu Menteri yang bertanggungjawab menyatakan kepala keretapi baharu yang boleh lari laju sekali supaya tak berlaku kelambatan akan dibeli, bilakah akan dibeli?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tak mahu jawab.

**Tuan V. David:** Dalam Dewan ini kita dengar hampir 300 kemalangan akibat kegelinciran landasan (derailment) keretapi berlaku dalam tahun ini, apakah sebabnya? Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab atas perkara ini kerana kita selalu dapati tiap-tiap hari berlaku kelambatan, kekotoran dan terdapat juga pijat-pijat. Jadi mengapakah perkara ini berlaku di dalam Keretapi Tanah Melayu.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan ini berpuluh-puluh kali di dalam Dewan ini. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak tanya seribu kali, saya tak mahu jawab.

**Tuan V. David:** Saya minta Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan kepada soalan saya itu.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya ada berhak. Saya sudah katakan, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab. Pertanyaan Ahli Yang Berhormat ada lagi iaitu No 23—tunggu dahulu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Cakap besar sahaja—masa saya . . . . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa kali keretapi sampai lewat. Adakah satu kajian atau Yang Berhormat Menteri ada maklumat berapa kali keretapi-keretapi lambat sampai di stesyennya.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Kalau bertanya soalan asal itu bolehlah saya terangkan, tetapi ini soalan yang baharu serta-merta, bagaimana saya hendak menjawabnya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu saya adalah seorang pelajar di London dan Yang Berhormat Menteri ada datang ke Malaya Hall, dan beliau mengatakan bahawa Keretapi Tanah Melayu tidak boleh . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalannya?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi penjelasan. Beliau mengatakan Keretapi Tanah Melayu mesti mendapat keuntungan tidak ada pijat-pijat dan mesti memuaskan hati sesiapa yang menggunakannya. Tetapi sekarang semua sudah rosak, kelam-kabut sahaja, apakah sebabnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahannya ialah apakah tindakan yang hendak diambil mengikut ucapan beliau pada tahun 1957.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa sanya keretapi daripada Kuala Lumpur ke Singapura oleh sebab laju, maka putus sekerat. Jadi yang di hadapan itu sudah tiba ke Stesyen Johor Bahru, tetapi yang di belakangnya itu tinggal sampai pukul 10.00 pagi tak sampai sebab menunggu kepala keretapi lain datang menarik keretapi kita. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ini soalan baharu dan saya tak hendak jawab, sebab saya hendak siasat dahulu.

## SIJIL TAJAAN (SPONSORSHIP CERTIFICATE)

**4. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S. O. 24* (*2*)) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(i) mengapa pelajar-pelajar yang ingin pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka masih lagi mengalami kesulitan dan kelambatan di dalam mendapatkan sijil tajaan (Sponsorship Certificate) dari Kementerian beliau dan;

(ii) samada beliau sedar bahawa tuduhan-tuduhan telah dibuat bahawa sijil-sijil tajaan boleh didapati lebih mudah lagi dengan menggunakan cara-cara rasuah dan samada beliau akan menyiasat tuduhan-tuduhan itu.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

(i) Berkenaan dengan cara-cara dan peraturan tajaan Menteri Pelajaran yang dahulu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran telah menerangkan dengan jelas mengenainya di Dewan ini pada 8hb Disember, 1972, waktu menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan pada 21hb Disember, 1972 waktu menjawab Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur. Dalam jawapan-jawapan itu, telah diterangkan bahawa pada masa ini Sijil Sokongan (Sponsorship Certificate) dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran hanya bagi murid-murid ataupun penuntut-penuntut yang hendak belajar di United Kingdom dan Indonesia sahaja. Diterangkan juga bahawa masa maxima yang dikehendaki untuk memproses sesuatu permohonan ialah empat

minggu dari masa diterima permohonan yang lengkap. Peraturan-peraturan tersebut tidak berubah. Jika Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan kes-kes di mana Kementerian Pelajaran telah mengambil masa lebih dari empat minggu untuk memproses permohonan-permohonan, saya akan membuat penyiasatan.

(ii) Tidak sedar. Tetapi kalau ada tuduhan yang tulin (genuine complaint) perkara ini boleh disiasatkan.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa murid-murid atau pelajar-pelajar yang hendak pergi ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran mereka sangat susah. Kita telahpun mengadakan perhubungan diplomatik dengan United Kingdom. Adakah apa-apa rancangan oleh Kementerian beliau iaitu tiap-tiap permohonan dibuat oleh pelajar-pelajar yang hendak pergi ke United Kingdom Kementerian beliau akan membawa permohonan kepada British High Commission untuk diproseskan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan berkenaan dengan sponsorship certificate sahaja.

## BELIA-BELIA—PENGAMBILAN

5. **Tuan Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau bersama-sama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada rancangan untuk mengambil belia di negeri ini untuk membantu petani-petani di Kelantan, Kedah dan Perlis menuai padi semasa musim-musim menuai untuk menggantikan penuai-penuai padi dari luar negeri yang biasanya datang ke negeri ini oleh kerana ketiadaan penuai-penuai tempatan.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian saya berpendapat bahawa tidaklah perlu melancar sebarang kempen pengambilan bagi mendapatkan belia-belia di negeri ini untuk kerja menuai padi, di atas sebab-sebab yang berikut:

(*a*) Petani-petani mampu mendapat pembantu-pembantu yang cukup di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan Trengganu untuk menuai padi,

(*b*) Peluang-peluang yang cukup bagi pekerjaan-pekerjaan tetap di sepanjang tahun di ladang-ladang tebu di Kedah dan Perlis boleh didapati bagi belia-belia yang sanggup menerima pekerjaan-pekerjaan tersebut;

(*c*) Bilangan orang-orang asing yang diambil oleh petani-petani untuk membantu dalam kerja-kerja menuai padi adalah tersangat kecil.

## POLIS DIGANTUNG KERJA—PUSAT KEBUDAYAAN LINCOLN

6. **Tuan Yeoh Teck Chye** (*di bawah S. O. 24* (*2*)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada beliau sedar bahawa beberapa orang anggota polis telah digantungkan kerja mereka berikutan dengan peristiwa melempar bom di Pusat Kebudayaan Lincoln. Jika benar, mengapakah mereka digantungkan kerja mereka.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, dua orang anggota Polis telah digantung kerjanya berikutan dengan peristiwa letupan bom di Pusat Kebudayaan Lincoln, dan ini di dalam penyiasatan berhubung dengan tatatertib di bawah "Peraturan-peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) Pegawai Rendah dan Mata-mata Tahun 1970".

Butir-butir yang lanjut tidak dapat saya beri kerana mereka ini akan dihadapkan untuk perbicaraan tatatertib.

## HAKMILIK TANAH

7. **Tuan Hashim bin Gera** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri dengan Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan akan memansuhkan perjanjian-perjanjian mengenai hakmilik tanah yang dibuat semasa penjajahan British yang dipegang oleh orang perseorangan atau sesuatu syarikat yang memberi mereka hak kepunyaan ke atas tanah itu sehingga beratus-ratus tahun.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang):** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak begitu jelas. Kalau apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah tanah yang dikeluarkan secara concession, maka ini adalah termasuk dalam tafsiran "alienated land" di bawah Kanun Tanah Negara. Hakmilik ini adalah terjamin dan tidak boleh dimansukhkan. Kalau yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tanah yang dikeluarkan oleh Kerajaan dengan pajak atau lease, maka inipun termasuk juga dalam tafsiran "alienated land" yang hakmiliknya tidaklah boleh dimansukhkan begitu sahaja.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tanah yang saya maksudkan itu telah dipajak oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1827 maka dia akan dapat 999 tahun, dia akan pulangkan itu pada tahun 2826. Apakah caranya pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya dapat mengambil balik tanah yang sudah dipajakkan itu atas nama Malay Reserve. Cukainya satu ekar satu ringgit atas nama Melayu, tetapi yang beruntung orang lain. Apakah tindakan Kerajaan dapat mengambil tanah itu kembali menjadi hak negara.

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Pada fikiran saya tanah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah "lease". "Lease" yang saya sebutkan tadi ialah termasuk dalam tanah yang dikeluarkan "alienated land" dan tidak boleh dimansukhkan. Sekiranya tanah itu duduknya di kawasan Malay Reservation, barangkali tatkala Kerajaan dahulu mengisyhtiharkan tanah itu sebagai Malay Reservation, tanah itu telah dimiliki oleh orang bangsa lain dan tanah itu tetap dimiliki oleh orang itu juga tidak boleh ditukarkan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kesalahan ini telah dibuat oleh wakil-wakil Perikatan waktu merundingkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tidak dicatit dalam Perlembagaan itu segala pajakan-pajakan yang dibuat dalam zaman penjajah hendaklah dimansukhkan. Mengapa tidak dibuat demikian. Adakah kelalaian pihak Perikatan atau kerana dia tidak tahu.

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

## PERKHIDMATAN FERI

8. **Tuan Chan Fu King** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar tentang tidak adanya langkah-langkah keselamatan dikebanyakan feri yang digunakan untuk menyeberangi sungai, jika ya, apakah langkah-langkah yang Kementerian beliau akan ambil untuk menjamin keselamatan penumpang-penumpang.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Kementerian saya adalah sentiasa menjalankan pemeriksaan terhadap semua perkhidmatan feri yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya. Pemeriksaan ini adalah untuk menentukan supaya feri-feri ini sentiasa berada di dalam keadaan yang memuaskan, dan berikutan dari pemeriksaan ini Kementerian saya telah menyediakan satu peraturan mengenakan langkah-langkah keselamatan untuk pengguna-penggunanya. Tindakan selanjutnya telah dilaksanakan oleh J.K.R. Negeri yang berkenaan untuk menentukan supaya tidak ada muatan yang berlebihan, mengadakan jeket-jeket keselamatan atau "life buoys", mengarahkan supaya penumpang-penumpang turun dari kenderaan masing-masing semasa menaiki feri serta sentiasa mengadakan pemeriksaan terhadap feri-feri tersebut. Pihak Kementerian ini telah meminta bantuan dari pihak Polis supaya langkah-langkah tadi dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

## KAMPUNG-KAMPUNG BARU SEBAGAI BANDAR

9. **Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menjadikan Kampung-kampung Baru sebagai bandar, dan jika ya, bila.

**Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang sama maksudnya telah dikemukakan di Persidangan Dewan ini oleh Yang Berhormat Wakil Kawasan Telok Anson pada 21-1-1973 dan jawapan itu adalah juga menepati pertanyaan ini. Oleh itu, saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat itu menyemak jawapan tersebut di dalam Penyata Rasmi.

### SURAT KHABAR TUNG PAU— IKTIRAF KESATUAN

**10. Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sebab terlalu lama pihak pengurusan Surat Khabar Tung Pau hendak mengiktiraf Kesatuan Sekerjanya.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kelewatan mengiktirafkan Kesatuan Kebangsaan Penulis-penulis oleh Surat Khabar Tung Pau adalah disebabkan ada terdapat perselisihan di antara Kesatuan tersebut dan Syarikat mengenai samada Kesatuan itu boleh mewakili golongan-golongan tertentu pekerja-pekerja Syarikat. Oleh itu perkara ini terpaksa disiasat dengan menyeluruh. Ini, perlulah diakui, memakan masa kerana pekerja-pekerja yang berkenaan ditempatkan di beberapa pekan yang berlainan di Semenanjung Malaysia. Walaubagaimanapun, penyiasatan telahpun selesai dan Syarikat berkenaan telahpun diarah mengiktirafkan Kesatuan tersebut.

### PEMANDU LORI—HAD LAJU

**11. Tuan Mohd Daud bin Abdul Samad** (*di bawah 24* (*2*)) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak pemandu-pemandu lori perniagaan tidak mematuhi had laju 30 b.s.j. di jalanraya yang menyebab bertambahnya bilangan kemalangan jalanraya pada masa sekarang, jika ya, samada beliau akan mengambil langkah yang tegas terhadap pemandu-pemandu yang berkenaan dan menjamin supaya mereka mematuhi had laju yang dikenakan.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan sentiasa diambil terhadap pemandu-pemandu lori yang membawa lori melebehi had laju yang ditetapkan dengan menggantong lesen-lesen pemandu mereka. Di dalam tahun 1972 sebanyak 79 pemandu-pemandu lori telah digantong lesennya oleh kerana membawa lori-lori lebih laju daripada yang telah dihadkan.

### LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

**12. Tuan Tiah Eng Bee** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang kesibukan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur jika ya, samada beliau akan membaiki kemudahan-kemudahan pengangkutan awam untuk mengurangkan kesibukan ini.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Seperti yang saya telah nyatakan di dalam Dewan ini dahulu sebuah syarikat Juru Perunding international sedang membuat kajian cara-cara mengatasi kesesakan tersebut dan lapuran kajian itu akan dikemukakan kepada Kerajaan di hujung bulan ini untuk timbangan. Kerajaan akan melaksanakan syor-syor yang dikemukakan itu jikalau didapati sesuai dan bergantung juga kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

### KERANI SAMBILAN DI SEKOLAH

**13. Dr A. Soorian** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan ingat iaitu pada 3hb Julai, 1973 di Kuala Lumpur suatu janji telah dibuat dengan kerani-kerani sambilan di sekolah-sekolah bahawa mereka akan ditempatkan dalam perkhidmatan tetap sebelum penghujung tahun ini;

(*b*) adakah Kerajaan sedar bahawa kerani-kerani sambilan ini menerima elaun sebanyak $35 sebulan pada hal taraf hidup sekarang adalah tinggi dan jika sedar, bolehkah Kerajaan menimbang elaun mereka mengikut keadaan hidup sekarang lebih-lebih lagi ada kerani-kerani sambilan ini yang terpaksa makan ubi kayu untuk berhemat menampung kehidupan mereka; dan

(*c*) adakah Kerajaan sedar bahawa jika permintaan yang adil ini tidak ditunaikan, kerani-kerani tersebut akan berpiket di Bangunan Kementerian di Kuala Lumpur.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

(*a*) Kerajaan tidak pernah membuat janji seperti itu.

(*b*) Kerajaan sedar dan perkara menambahkan elaun mereka sedang dipertimbangkan.

(*c*) Kerajaan sedar rancangan mereka hendak berpiket itu.

**Dr A. Soorian:** Soalan tambahan. Jika Kerajaan akan timbangkan atas masaalah ini bilakah Kerajaan hendak buat keputusan atas masaalah ini dan dikemukakan satu keputusan yang tetap atas perkara ini?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak boleh hendak memberi time limit tetapi kita akan ikhtiar dengan seberapa cepat yang boleh.

## PELAJARAN UGAMA ISLAM

14. **Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa Kerajaan tidak sanggup menegaskan bahawa Pengajian Ugama Islam adalah suatu matapelajaran yang wajib di semua peringkat sekolah dan sebagai suatu syarat untuk lulus peperiksaan, memandangkan usaha kita untuk mengembangkan nilai-nilai rohani di kalangan rakyat sesuai dengan ajaran Islam sebagai ugama resmi seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pelajaran Ugama Islam seksyen 36 (i) akta Pelajaran, 1961 memperuntukkan bahawa jika ada sesebuah sekolah yang menerima bantuan ada 15 orang atau lebih murid yang berugama Islam, murid-murid itu hendaklah diberi pelajaran Ugama Islam.

Matapelajaran Ugama Islam ini tidak dijadikan syarat untuk lulus peperiksaan kerana matapelajaran tersebut hanya diwajibkan ke atas murid-murid yang berugama Islam sahaja untuk mempelajarinya. Dengan hal yang demikian, jika kelulusan dalam matapelajaran itu dijadikan syarat untuk lulus peperiksaan, ini bermakna bahawa satu syarat tambahan pula dikenakan ke atas murid-murid berugama Islam untuk lulus, iaitu satu syarat yang tidak mungkin dikenakan ke atas murid-murid yang bukan berugama Islam.

**Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh:** Tidakkah pihak Kementerian sedar bahawa dengan tidak mewajibkan atau menjadikan matapelajaran ugama sebagai suatu matapelajaran syarat untuk peperiksaan menjadikan pelajaran-pelajaran kita itu tidak begitu mengambil berat tentang soal ugama?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengarahkan kepada guru-guru ugama supaya memaksa kanak-kanak ini mengambil berat dalam hal pelajaran ugama di sekolah-sekolah.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini tahu iaitu guru-guru ugama di sekolah-sekolah itu mengajar murid-murid Islam, bukan orang-orang bukan Islam—tidak, iaitu tulisan-tulisan Arab yang murid-murid ini tak tahu, cuma tulisan rumi sahaja. Bila diajar tulisan Jawi sahaja, mereka tak tahu. Bolehkah dengan tulisan rumi pada masa yang akan datang murid-murid itu mengerti di atas ajaran-ajaran yang diberikan kepadanya?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, murid-murid yang berugama Islam, adalah dikehendaki mempelajari tulisan Jawi kerana mereka perlu membaca ayat-ayat Quran dan sebagainya. Tetapi kalau ada kesusahan bagi mana-mana murid dengan sebab kurang mengetahui tulisan Jawi, maka guru-guru akan menolong dengan cara tulisan rumi itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan lisan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 23 adalah diberi di bawah ini*).

## SEKOLAH RENDAH— MENGURANGKAN JENIS PERMAINAN

15. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa ada terdapat terlalu banyak permainan bagi murid-murid sekolah rendah dan bahawa murid-murid itu lebih berminat dalam permainan-permainan daripada pelajaran-pelajaran mereka; jika ya, bolehkah Kementerian beliau mengurangkan jenis permainan di sekolah-sekolah rendah.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tidak, kerana seseorang murid itu bukanlah dikehendaki bermain semua jenis permainan yang diadakan. Lagi pula, masa bermain adalah ditetapkan dan dihadkan.

## SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH

**16. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambah bilangan sekolah-sekolah menengah, kelas-kelas menengah, guru-guru menengah dan kemudahan-kemudahan mengajar sains di Sarawak memandangkan penghapusan Peperiksaan Kemasukan Biasa Darjah Enam pada tahun 1974.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Mengikut perenggan 17 kepada lapuran "Inter-governmental Committee" 1972, dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran Negeri Sarawak adalah di bawah kelolaan Kerajaan tersebut. Oleh yang demikian sepatutnya soalan ini ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Walaupun demikian, mengikut makluman yang diberikan oleh Pejabat Pelajaran Negeri Sarawak peruntukan asal bagi sekolah menengah sebanyak $27.95 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua telah ditambah kepada $38.14 juta dalam Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Peruntukan tambahan ini adalah untuk menambahkan kelas-kelas menengah, membina sekolah-sekolah menengah baru dan menambahkan kemudahan-kemudahan pelajaran Sains. Pembinaan-pembinaan akan dibuat secara rancangan kilat (crash programme) dan di mana keadaan memaksa, kelas-kelas pagi petang (double session classes) akan diadakan supaya kemudahan-kemudahan yang sedia ada dapat digunakan sepenuhnya.

Berkenaan dengan guru-guru, bilangan guru-guru yang dilatih di maktab-maktab perguruan akan diperbanyakkan. Selain daripada itu, Rancangan Latihan Guru-guru Ijazah sedang dikaji semula dengan tujuan untuk menambah bilangan pelatih-pelatih yang hendak dihantar ke Semenanjung Malaysia dan juga ke luar negeri.

## MAKTAB LATIHAN GURU TADIKA

**17. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang mendirikan sebuah Maktab Latihan Guru untuk melatih Guru-guru Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) memandangkan bilangan besar guru-guru ini sekarang dan jika ya bilakah Maktab seperti ini akan dibina.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tidak

## ANJURAN (SPONSORSHIP) MELANJUTKAN PELAJARAN

**18. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab lambat memberi anjuran (Sponsorship) kepada pelajar-pelajar yang ingin pergi ke seberang laut untuk melanjutkan lagi pelajaran mereka.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Berkenaan dengan cara-cara dan peraturan tajaan, Menteri Pelajaran yang dahulu telah menerangkan dengan jelas mengenainya di Dewan ini pada 8hb Disember, 1972, waktu menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan pada 21hb Disember, 1972 waktu menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Seremban Timur. Dalam jawapan-jawapan itu, telah diterangkan bahawa pada masa ini Sijil Sokongan (Sponsorship Certificate) dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran hanya bagi murid-murid yang hendak belajar di United Kingdom dan Indonesia. Diterangkan juga bahawa masa mixima yang dikehendaki untuk memperoses sesuatu permohonan ialah empat minggu dari masa diterima permohonan yang lengkap. Peraturan-peraturan tersebut tidak berubah. Jika Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan kes-kes di mana Kementerian saya telah mengambil masa lebih dari empat minggu untuk memperoses permohonan, saya akan membuat penyiasatan.

## LORI MEMASANG "MUD FLAPS" DI RODA BELAKANG

**19. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan lori-lori yang membawa batu dan di jalan-jalan raya tidak mempunyai "tyre flap" pada roda belakangnya untuk menghalang batu-batu yang tercicir daripada berterbangan dan terpelanting kepada cermin hadapan kereta-kereta kecil yang mengekorinya, dan jika ya, samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk mempastikan supaya semua lori-lori yang demikian dipasang dengan "tyre flap" pada roda belakangnya.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Langkah-langkah akan diambil supaya semua lori-lori yang membawa batu memasang "mud flaps" di atas roda belakang.

## QOTA IMPOT BARANG-BARANG

**20. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada Kerajaan telah menghapuskan sekatan-sekatan dan qota impot ke atas lebih daripada 60 jenis barang-barang.

**Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Ya.

## GURU BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL

**21. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab sekolah-sekolah Tamil di Kelantan dan Perlis mengikut angka-angka yang telah disebutkan oleh Menteri semasa sidang Parlimen yang lepas tidak mempunyai apa jenis guru-guru Bahasa Malaysia pun, baik yang berkelayakan ataupun yang tidak.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Saya berdukacita kerana jawapan bertulis yang telah diberikan dalam Parlimen pada 9-7-1973 dahulu itu telah menimbulkan kekeliruan. Maksud jawapan dahulu itu ialah bilangan guru-guru yang mengajar semata-mata matapelajaran Bahasa Malaysia. Jika diperhitungkan guru-guru Bahasa Malaysia yang juga mengajar mata-matapelajaran lain, kedudukannya adalah seperti berikut:

| | *Bilangan Sekolah-Sekolah* | *Bilangan Guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia* |
|---|---|---|
| Perlis ... | 1 | 1 |
| Kelantan ... | 4 | 8 |

## INFLASI HARGA BARANG-BARANG

**22. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan kadar inflasi harga barang-barang: (*a*) makanan (*b*) pakaian dan (*c*) bahan-bahan binaan dalam masa 12 bulan yang lalu dan langkah-langkah Kerajaan yang telah/ sedang atau akan diambil untuk mengatasi masaalah ini.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Soalan yang berupa sama telahpun dihuraikan dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26-11-1973 dan terkandung dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika membentang dan menggulong perbahasan atas Usul meluluskan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah juga menghuraikannya pada 5-12-1973 tatkala membentangkan Rang Undang-undang Bekalan, 1974.

Oleh itu saya tidaklah ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada soalan ini.

## KERETAPI TERKELUAR LANDASAN

**23. Tuan V. David** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan jentera keretapi, gerabak dan wagon yang telah terkeluar landasan dari 1-1-73 hingga 30-9-73. Bolehkah dikatakan bahawa sebab-sebab berlakunya ini semua ialah kerana:

(*a*) Ketiadaan rancangan pembesaran yang baik;

(*b*) Pengurusan yang tidak cekap; dan

(*c*) Kenaikan pangkat dan pengambilan pekerja-pekerja dibuat sesukahati tanpa memberi pertimbangan ke atas merit seseorang.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Bilangan jentera keretapi, gerabak dan wagon yang telah terkeluar landasan dari 1-1-73 hingga 30-9-73 ialah seperti berikut:

Injin 29

Gerabak 356

Koc. 11

(*a*) Tidak benar.

(*b*) Tidak benar. Pihak keretapi mempunyai Sekolah Latihannya yang memberi latihan yang lengkap kepada pekerja-pekerjanya.

(*c*) Kenaikan pangkat dan pengambilan pekerja keretapi adalah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi yang dilantik oleh Kerajaan. Sebagai sebuah Suruhanjaya adalah dipercayai ia menjalankan tugas dengan adil dan sempurna.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (12hb Disember, 1973).

**DAN**

# USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

> Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada $1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974, dan bagi maksud kepada dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentangan dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 dan 7 senarai tersebut. (12hb Disember, 1973).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya memendekkan ucapannya sebelum saya tegur, sebab masa adalah suntuk, cuma hari ini, esok dan hari Isnin. Ahli-ahli yang hendak bercakap ramai lagi. Yang Berhormat, sila pendekkan ucapannya.

*Perbahasan disambung semula.*

*3.30 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab semalam saya bercakap hanya 3 minit, maka hari ini saya ingin menyambungkan di atas ucapan saya yang telah saya buat pada hari semalam bagi membahaskan belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara meletakkan harga barang, ingin saya sebutkan lagi bagaimana yang telah terjadi dan selalu dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu Kerajaan meminta diletakkan harga barang, maka harga barang yang tersebut telah naik. Pernah kejadian dan saya sendiri pernah membeli barang-barang yang tersebut di mana diletak labelnya dengan harga $2 tetapi saya dapat beli dengan harga $1.70. Saya bertanya kenapa tulis $2 tetapi boleh jual $1.70, maka jawapannya ialah Kerajaan suruh letak harga $2. Jadi tempat yang dilonggokkan kesalahannya ialah Kerajaan. Saya rasa pengawalan harga barang ini harus diambil perhatian yang berat oleh pihak yang berkenaan bagi mengelakkan daripada bebanan yang akan ditanggung oleh rakyat pada setiap masa.

*(b) Pengawalan kepada Pembahagi dan Penjual*

Saya menekankan agar pengawalan kepada pembahagi dan penjual ini ditegaskan ialah kerana banyak kejadian mereka yang mengawal hal ini selalu mempermainkan orang ramai.

Cara-cara mereka permainkan ialah mengurangkan barang-barang agar harganya menjadi bertambah mahal. Kita mendengar di sana sini kurang gandum, kurang beras, kurang gula dan sebagainya sedangkan sebenarnya barang itu tidak kurang. Kerajaan hendaklah mengusahakan agar pembahagi barang-barang diperbanyakkan. Sebaik-baiknya biarlah Perbadanan Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun perbadanan-perbadanan yang lain mengendalikan pembahagian itu dengan secara sendiri.

*(c) Menggalakkan Pertumbuhan Perusahaan Makanan*

Saya mengesyorkan agar pertumbuhan perusahaan makan dihebatkan lagi samada ia merupakan indastri yang memproses makanan ataupun pengusaha-pengusaha lain yang boleh mengeluarkan makanan di negara kita. Sekarang kita dapati masih banyak barang-barang makanan yang kita impot dari luar negeri sedangkan hal ini sesuai

untuk ditanam dan diusahakan di negeri kita sendiri seperti daging, susu, bawang, ubi kentang dan lain-lain.

*Inflasi*

Bersabit dengan inflasi, saya ingin menyentuh tentang cukai inflasi tanah yang telah dikenakan oleh Menteri Kewangan sebagai satu cara untuk membentangkannya. Dalam keterangan Menteri Kewangan itu bahawa pemaju rumah ataupun housing developers tidak dimasukkan. Saya tidak tahu samada pemaju rumah terlibat dengan inflasi atau tidak, tetapi apa yang saya tahu bahawa harga rumah sekarang berganda-ganda naik. Kalau dahulu rumah terrace boleh dibeli dengan harga $12 ribu atau $14 sekarang sampai $24 ribu atau lebih. Saya rasa hal ini harus diambil perhatian kerana rakyat banyak tidak ada mempunyai rumah dan mahu membeli rumah, maka bagaimana mahu membeli rumah, kalau harga sedemikian rupa, sedangkan pekerja yang sudahpun bernasib baik hanya mendapat gaji antara $150 sehingga $200 sebulan. Saya minta Menteri yang berkenaan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh.

2. *Hutang Negara*

Belanja kerana hutang negara dan pinjaman wang. Dalam hal belanja kerana hutang negara dan pinjaman wang, saya rasa perlu diambil perhatian kerana masaalah ini adalah tidak kurang besarnya dengan hal yang lain. Setengah orang berpendapat tidak mengapa Kerajaan meminjam wang asalkan pinjaman itu untuk pembangunan negara kita. Saya setuju dengan cara pinjaman wang untuk pembangunan, tetapi hendaklah diawasi supaya pembangunan kita benar-benar mendatangkan hasil yang lebih baik agar kita dapat membayar hutang itu dengan lebih segera dan lebih ringan.

Sekarang kita dapati belanja kerana hutang negara adalah 13.4% bagi tahun 1974, berbanding dengan 13% pada tahun 1973 dan 8.8% pada tahun 1960. Dalam ucapan Menteri Kewangan sendiri ada merasakan sedikit kekesalan dalam hal itu. Saya tidak tahu kenapakah terjadi begitu. Saya nampak kita ada beberapa kesilapan yang sepatutnya dibetulkan demi untuk kepentingan negara. Saya nampak antara kesilapan besar kita adalah perancangan yang kurang tepat di mana mengakibatkan belanja yang lebih banyak misalnya kita membuat jalan raya selalu berulang-ulang, kadang-kadang 3 tahun sekali berubah, 4 tahun sekali berubah, dan demikianlah seterusnya sebagaimana yang dikemukakan oleh berapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

*Jalan-jalan*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jalan-jalan yang dibuat dengan secara berulang, membuat longkang berulang-ulang dan sebagainya, juga kita membuat jambatan pun berulang-ulang juga misalnya Jambatan Temerloh, Jambatan Jertih dan sebagainya yang terpaksa kita tanggung segala perbelanjaan itu dengan secara yang berat. Selain daripada itu ada juga badan-badan Kerajaan yang selalu mengalami kerugian walaupun ianya dibentuk sebagai badan perniagaan di bawah kawalan Kerajaan. Jadi hal seperti ini harus diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

3. *Tambahan Pendapatan Daripada Getah*

Ketiga, bertambahnya pendapatan daripada getah. Saya nampak kita terlampau gembira bila melihat sumbangan ekspot daripada getah mencapai angka 30% daripada hasil ekspot atau 15% daripada K.D.N.K. Ini disebabkan oleh melambungnya harga getah di pasaran dunia dan kekurangan minyak di mana pembuat getah tiruan mengalami keadaan yang teruk. Saya mengingatkan Kerajaan agar jangan terlalu gembira kerana kejayaan kita di bidang getah ialah kerana kurangnya getah tiruan. Bagaimana kita tahu bahawa negara-negara yang mengeluarkan getah tiruan itu adalah negara-negara indastri, negara sains dan negara maju dalam segala bidang, saya fikir mereka akan mencari jalan lain untuk mengatasi kesulitan mereka di masa ini. Apakah mereka dapat cara dan rekaan baru untuk membuat getah tiruan, maka ketika itu getah kita akan menurun pula, tetapi buat sementara ini memanglah boleh kita banggakan. Oleh yang demikian, suka saya mengesyorkan supaya diusahakan dengan lebih bersungguh-sungguh lagi agar getah dapat dipelbagaikan kegunaannya. Sebagai percubaan harus dijalankan di dalam negeri kita kemudian barulah kita sebarkan di luar negeri. Ini semata-mata bertujuan untuk mengekalkan harga getah kita bagaimana yang ada sekarang ini.

4. *Petroleum*

Keempat, petroleum. Saya bersyukur kerana negara kita berjaya memperolehi minyak petrol. Bagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pengeluaran minyak negara kita adalah melebihi keperluan kita sendiri. Kita memerlukan hanya 84,000 tong sehari, manakala pengeluaran kita ialah 99,000 tong sehari pada tahun 1973 dan akan bertambah lagi pada tahun hadapan. Sempena dengan ini, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan agar mencari jalan untuk kita membuat perusahaan lain hasil daripada minyak petrol itu. Bagaimana kita tahu bahawa antara bahan getah tiruan adalah minyak, maka sepatutnya kita berusaha untuk memasuki di bidang tersebut, kerana kita ada mempunyai minyak sendiri. Dengan kita memasuki di bidang ini bererti kita ada mempunyai dua cara untuk mengeluarkan getah. Pertama, getah asli dan kedua, getah tiruan. Dan pada satu masa nanti masaalah harga getah akan dapat kita stabilkan dengan cara kita sendiri dan tak perlu meminta—minta dari negara lain. Bukan setakat itu sahaja, jenis perusahaan lain hasil daripada minyak haruslah diwujudkan sebanyak-banyaknya.

5. *Padi dan Beras*

Dalam hal padi dan beras sukalah saya menyentuhkannya kerana pada tahun yang lalu telah saya sentuh juga. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan menukarkan polisinya daripada mahu mendapat pengeluaran padi hanya 90% daripada keperluan negara kepada 100% ataupun mencukupi keperluan dalam negara kita. Pada tahun lalu ketika membahaskan belanjawan, saya telah memberikan fikiran saya kepada Kerajaan bahawa polisi mahukan 90% itu tidak memuaskan. Apa yang perlu ialah kita mahu mendapatkan padi lebih banyak bukan sahaja untuk keperluan dalam negeri tetapi untuk dijualkan kepada luar negeri.

Kebetulan apa yang telah terjadi pada tahun ini benar-benar mengenai apa yang telah saya sebutkan pada masa yang lalu. Selain daripada aluan-aluan saya di atas perubahan sikap Kerajaan dalam perkara ini, suka saya mengesyorkan agar sistem pengeluaran padi dan beras harus dimodenkan lagi. Apa yang saya maksudkan ialah permodenan yang secocok dengan Malaysia, seperti mengadakan mesin membajak menanam, manuai dan mengilang yang sederhana. Saya ingin mengambil contoh di Taiwan. Sebahagian besar penanaman padi adalah dihasilkan dengan mesin baik menanam, membaja, menuai dan mengilang, tetapi mereka tidaklah menggunakan mesin yang terlampau besar, bahkan yang benar-benar secocok dengan keadaan sesuatu tempat. Hal seperti ini harus kita ambil contoh dan ikutan untuk kepentingan rakyat kita.

Selain daripada itu, tektik-tektik untuk lebih membanyakkan pengeluaran padi harus diadakan. Jika perlu kita pinjamkan pegawai-pegawai dari luar negeri untuk maksud yang tersebut. Juga saya mengeyorkan agar pengluasan kawasan padi hendaklah dijalankan di mana-mana sahaja dalam Malaysia.

Apa yang kita perlu ialah rakyat kenyang dan tidak mendatangkan kekacuan kepada yang lain.

Dalam hal ini, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan penyiasatan di kalangan rakyat untuk menentukan tentang harga beras yang dapat dijual dengan tidak menyusahkan rakyat umum, kerana sekarang kita menghadapi dua keadaan yang berlawanan. Di pihak penanam padi mahu harga padi yang mahal, manakala di pihak rakyat yang tidak bertanam padi mahukan harga beras yang murah. Hal seperti ini memang sedang berlaku sekarang. Kerajaan hendaklah menyiasat benar-benar saranan-saranan ini kerana kalaulah rakyat yang tidak bertanam padi sudah mencapai taraf hidup yang sempurna, tidaklah menjadi apa-apa, walaupun harga beras naik, tetapi sebaliknya apa yang ada di negara kita ialah sebahagian besar rakyat masih sulit untuk mencapai taraf hidup yang dikatakan oleh Kerajaan.

(*Lihat* Jadual 1.1 Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua menunjukkan bahawa pendapatan per kapita keluarga di Malaysia ialah $269 sebulan tetapi 27% adalah yang berpendapatan kurang daripada $100 sebulan, sementara 31% berpendapatan $100-$200 sebulan). Dengan kenyataan ini jelas menunjukkan masih ramai manusia yang sulit mendapatkan makan dan pakaian apatah lagi kalau dihitung dari segi belanja sekolah anak-anak dan sebagainya. Oleh

yang demikian, saya menyeru hal ini dibuat pengkajian yang bersungguh-sungguh demi untuk faedah rakyat. Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kaum tani ataupun orang-orang yang bertanam padi pula harus diambil perhatian kerana sekarang ini walaupun kita adakan pengeluaran padi dua kali setahun, tetapi mereka masih berpendapatan sedikit dengan sebab pembelian padi yang kita katakan lebih kurang $20 sepikul adalah tidak memuaskan. Saya cadangkan supaya Kerajaan memberi subsidi kepada penanam padi lebih kurang 40% ataupun sebagainya. Kalau padi atau beras yang diimpot boleh diberi subsidi kenapa padi yang dibeli daripada petani tidak boleh diberi subsidi? Biarlah Kerajaan ataupun Lembaga apapun samada L.P.N. atau sebagainya membeli padi yang mahal daripada petani dan menjual beras yang murah kepada orangramai. Ini, Tuan Yang di-Pertua, demi untuk kepentingan orangramai. Tentulah ada orang bertanya, bagaimana pula belanja yang hendak dikeluarkan bagi mendapatkan subsidi kepada kaum tani yang tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, banyak jalan yang dapat kita usahakan untuk mendapatkan wang. Misalnya, cukai untuk barang-barang mewah haruslah dibanyakkan. Demikian juga cukai-cukai arak, cukai minuman keras yang kita anggap bukan sahaja haram dari segi ugama Islam, tetapi juga membazirkan perbelanjaan tiap-tiap seorang.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya menyebutkan perkara-perkara tadi, maka suka saya bercakap atas buku Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan iaitu Pecahan-kepala 7, 9 dan 12 di bawah Kepala P. 7—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah. Tiga projek yang besar ini adalah boleh kita anggap satu projek raksasa yang mengandungi empat juta ekar lebih dan diperuntukkan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua sebanyak $142 juta lebih bagi mencapai maksud Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baharu iaitu meimbangkan antara yang berada dan tidak berada dan membanyakkan orang-orang Melayu menceburkan diri dalam bidang ekonomi.

Saya ingin mengingatkan supaya dasar ini benar-benar dilaksanakan, benar-benar dijayakan oleh pihak perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Saya tidak mahu apa yang pernah berlaku di Johor di mana pernah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu orang-orang bumiputra, orang-orang Melayu tidak ada langsung menceburkan diri untuk pelaburan modal di sana. Saya tidak tahu apakah di tiga-tiga rancangan yang maha besar ini ada pengusaha-pengusaha Melayu, pemodal-pemodal bumiputra melaburkan modalnya di bawah rancangan ini. Sekiranya tidak ada haruslah badan-badan ini membuat perundingan dan perkiraan dengan Dewan-dewan Perniagaan Melayu dan orang-orang Melayu yang aktif dalam lapangan perusahaan dan perniagaan agar kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat dilaksanakan oleh pihak lembaga yang berkenaan.

2. *Perpaduan Negara*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan juga tentang perkara B. 12 iaitu Perpaduan Negara. Saya nampak peruntukan yang diletakkan di dalam buku yang baik ini menunjukkan bahawa di bawah Kementerian ini perbelanjaan yang ada ialah untuk belanja gaji, elaun dan transport sahaja. Saya kira tidak ada apa pun rancangan yang dibuat oleh Menteri Perpaduan Negara. Sepatutnya kita rakyat Malaysia yang mengandungi berbagai-bagai keturunan haruslah Kementerian Perpaduan Negara ini memainkan peranan yang penting bagi menyatukan kaum-kaum di Malaysia dan menyatukan segala pandangan, fikiran, semangat dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya minta Menteri yang berkenaan mengambil perhatian agar di masa yang akan datang biarlah bergerak sedikit, biar berjalan sedikit, kalau sudah berasa berat, beri kepada orang lain.

3. *Pertanian dan Perikanan*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang perkara Kementerian Pertanian dan Perikanan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan, kerana sedikit sebanyak ada memberi pertolongan dalam bidang pertanian, tetapi dalam perkara perikanan sungguh mendukacitakan, kerana kurang benar aktiviti-aktiviti yang dijalankan selama ini. Saya lihat peruntukan

di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua menunjukkan bahawa tidak sampai 25% peruntukan yang diberi dibelanjakan, sedangkan peruntukan-peruntukan tidak kurang tetapi kerjanya kurang. Saya kira hal ini harus diambil perhatian yang benar-benar, kerana kalaulah kita katakan perjalanannya tidak lancar disebabkan kekurangan pegawai beritahu kepada pihak yang berkenaan supaya pegawainya ditambah. Kalau tidak ada expert kita boleh pinjamkan pegawai-pegawai daripada luar negeri untuk memberi tunjuk ajar kepada kita dalam menjalankan projek-projek perusahaan ikan. Sekarang ini banyak masaalah berlaku dalam perusahaan ikan seperti pemasaran dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang Pengarah Perikanan sendiri. Beliau ini duduk di Kuala Lumpur, sedangkan banyak hal-hal berkaitan dengan ikan ialah di Pantai Timur, rakyat yang miskin yang terlibat dengan hal nelayan ini di Pantai Timur sepatutnya dia duduk di sana. Kalau tidak boleh Pengarahnya, biarlah penolong-penolongnya yang kanan. Saya tidak mahu memanjangkan hal ini, Tuan Yang di-Pertua.

4. *Undang-undang*

Pada perkara lain yang ingin saya sebutkan ialah tentang B. 38—Peguam Negara. Saya ucapkan terima kasih kepada Peguam Negara kita yang bekerja kuat dalam usaha-usaha membentuk undang-undang di Malaysia ini. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah usaha-usaha untuk membahasa-Malaysiakan Undang-undang kurang benar dijalankan selain daripada undang-undang yang hendak dikemukakan di Dewan yang mulia ini sebagai undang-undang baharu. Ada pun undang-undang lama nampaknya tinggal begitu sahaja, kalau bawa amendment (pindaan) hanya yang dikepala sahaja dibahasa-Malaysiakan, tetapi isinya tidak.

*Undang-undang Islam ke dalam Undang-undang Negara*

Selain daripada itu, saya minta dengan jasa baik Yang Berhormat Peguam Negara supaya memasukkan sedikit demi sedikit Undang-undang Islam ke dalam Undang-undang Negara kita, kerana undang-undang ini bukan diuntukkan kepada orang-orang Islam sahaja tetapi diuntukkan kepada rakyat Malaysia. Jadi, oleh yang demikian, saya rasa rakyat boleh menerima hal ini, kerana undang-undang Islam adalah meliputi ke semua rakyat, bangsa dan ugama bukan untuk orang Islam sahaja. Misalnya, Undang-undang Nikah-kahwin Islam boleh diikuti oleh orang yang bukan Islam, Undang-undang pusaka dan Undang-undang Jenayah juga. Jadi, banyak perkara-perkara yang boleh undang-undang Islam ini digunakan sedangkan sekarang kita impot sedikit demi sedikit undang-undang dari Barat. Perkara yang seperti ini tidak baik pada masa yang akan datang, lebih baik masukkan unsur-unsur Timur dan unsur-unsur Islam dalam Undang-undang negara kita demi untuk faedah kita.

Pada akhirnya, saya ingin menyebutkan tentang B. 63 iaitu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi? Saya sudah beri amaran tadi supaya dipendekkan ucapan itu, sebab Ahli Yang Berhormat sudah bercakap lebih daripada satu jam.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

5. *Hydro-letrik di Pantai Timur*

Perkara B 63—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Saya ingin mengingatkan Menteri yang berkenaan satu perkara yang besar iaitu berkenaan dengan Hydro-letrik di Pantai Timur. Masaalah yang besar sekarang ialah tidak ada orang hendak tanam modal di sebelah Pantai Timur. Kalau di Trengganu, di Kelantan orang tidak mahu menanam modal, sebab tidak ada kemudahan transport, tidak ada kemudahan electricity dan sebagainya. Jadi letrik ini perkara besar. Saya minta kepada Menteri yang berkenaan tolong buat rancangan secara cepat dan sungguh-sungguh agar hydro-electric didirikan sebelah Pantai Timur samada di ulu sungai Trengganu ataupun ulu sungai Pahang atau ulu sungai Kelantan, tetapi maksud saya boleh digunakan oleh tiga-tiga negeri ini bagi maksud perusahaan (industry).

Inilah sahaja yang saya ingin sebutkan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*4.02 ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Tahun 1974, dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

*Perbelanjaan di Luar Jangka*

Dalam tahun 1973 dan 1974 Lapuran Ekonomi oleh Perbendaharaan dan ucapan Belanjawan Menteri Kewangan pada 5hb Disember, 1973 ternyata menunjukkan keputusan yang mustahak dalam kepentingan ekonomi bagi tahun 1973. Ini menggambarkan kejayaan ekonomi yang tercapai bagi tahun ini sangat cemerlang.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, weeks before the Budget, there were optimistic pronouncements by Ministers of a high growth in the GNP and a more than 100% success in the implementation of the Second Malaysia Plan up to 1973. All these were part of a planned campaign to show how successful the Alliance Government has been in managing the economy, and the intention was to instil confidence and optimism among the people, in order to prepare them for the climax—the Budget Speech.

The campaign succeeded quite well, and the nation was overflowing with optimism and to a certain extent, even euphoria. The people were made to expect a Budget loaded with tax concessions and measures to end their worry of how to stretch the ever shrinking purchasing power of the ringgit. The Minister of Finance delivered his Speech on December 5th.

The public reaction was, to say the least, an anti-climax. Irate housewives were in the forefront of dissatisfaction. They were not happy with a mere relief of a maximum of $1,000 for earned income. What they want is separate assessment of income tax for married couples.

True there has been income tax relief for incapacitated children, but why has there been no tax relief for dependant aged parents as well? After all, aged parents are human beings too and should be looked after in accordance with the Eastern concept of filial piety. An income earner with aged parents to feed and clothe should be given tax relief.

The abolition of import and excise duties on food items are welcome, but there is concern that duties on textiles and wearing apparel have not been abolished too. After all, clothing is an important expenditure in the family budget, especially in the poor man's budget.

Mr Speaker, Sir, the biggest disappointment to the people was the retention of the sales tax. In all circles, be they consumers, retailers, wholesalers and manufacturers, the consensus is that the sales tax is the biggest multiplier in the escalation of inflation in this country. The Government may claim that inflation is largely due to inflation of developed countries from whom we import our goods, but it cannot be denied that the sales tax which is non-imported but locally implemented has been a major inflationary factor. For the family man without a house to call his own or even a small house or flat to rent, the budget has come as a blow to his hopes for decent living quarters for his family. To the middle-class with hopes of owning a house, the land speculation tax will not bring down the price of houses. The tax, as it stands, is levied on property valued at $200,000 or more and sold within a period of 2 years after acquisition of the property. There are too many loopholes for a wily speculator to escape through. The majority of property speculation centres around the $50,000 to $80,000 range, and as these deals do not come within the ambit of the new tax, therefore the prospective houseowner is as open to the whims of the speculator as before. It is a well known fact that insider trading among developers spawn the biggest number of speculators. Whole blocks of houses or flats are booked by insiders who then proceed to sell these at prices far above the booking price.

For the low income earner who cannot dream of owning a house, the budget has not made it easier for him to rent a low cost house or flat. This is because for the whole of Malaysia, the allocation for low cost housing is only $28.75 millions which can only build about 4,000 to 5,000 houses

or units. The amount is measly and hopelessly inadequate, if viewed in proportion to the demand for low cost housing by some 85% of households with incomes below the $400 level. According to the 1970 Census, some 85% of households have a monthly income below $400, and these are the people who require low cost houses badly.

The population in 1973 is estimated to be nearly 12 million. Assuming there are five persons to a household, there are therefore about 2,400,000 households in the country. Of these 85% or 1,140,000 households have incomes below the $400 level. Many of these people live in rented rooms, new villages or in squatter areas. Those who rent rooms have to pay exorbitant rents, which take a sizeable portion of their income leaving not much behind for food and other expenses. The demand for low cost housing is a problem of tremendous magnitude, and unless the Government is serious about tackling it, all the sweet talk about raising living standards will become meaningless platitudes.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menyeru Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan mengambil langkah segera bagi mengadakan rumah-rumah harga murah kepada rakyat jelata yang miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Kerajaan mendirikan rumah hanya 6,000 unit setahun sahaja. Dalam kadar ini ianya tidak akan dapat mengatasi satu juta yang terbengkalai (backlog), apa lagi untuk mengatasi keadaan yang mendesak di masa hadapan di mana penduduk semakin bertambah.

*Public Debt*

With the country in a swinging upturn in the economy, achieving an estimated 8% rise in the GNP in 1973, there should therefore be a favourable balance in the Budget, what with all the increased earnings in exports and high prices for rubber, timber, palm oil and other commodities. Instead of which paragraph 61 of the Budget speech states that "the overall deficit for 1973 is thus estimated at $1,246 million, which is $9 million less than the figure anticipated in the last Budget. The financing of this deficit will be met from domestic and foreign borrowing and special receipts, resulting in a decrease in our realisable assets of $126 million."

What about 1974? Regrettably again, with a Government addicted to deficit financing, the Budget for 1974 is estimated also to end up with a deficit of $1,335 million. Statistics show that the public debt has been increasing as far back as 1964. From 1964 to 1973, the public debt increased from $2,165.7 million to $8,330 million, about 400% increase. Servicing all this debt rose from 8.8% of ordinary expenditure in 1960 to 13% of ordinary expenditure in 1973. This is a good deal of money involved, money which could be better utilised for development.

The reason given for the extraordinary degree of the public debt is that money is needed for development. But what is perplexing is that after so many years of self-claimed sound management by the Alliance Government the public debt should keep on mounting year by year, despite years of income from natural resources and the sweat and toil of the people. For the public debt to increase after years of returns from exports of commodities indicate that the management is far from sound. After repeated cycles of boom in rubber, tin or timber, there should have been by now a tidy balance of assets. The Government should have stored up its assets to prepare for possible lean years ahead, but instead it has become an asset stripper. To be fair, a favourable external reserves of $3,885 million has been built up, but this is less than half of the public debt.

Fortunately, the majority of the public debt has come from domestic sources. Foreign lenders can put the squeeze on anytime and ask for their money back but domestic lenders are hardly in the position to demand return of their capital as they are captive lenders.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu hutang umum yang naik berulang lagi tidak boleh dibiarkan berlanjutan di mana akan memberi kesan buruk kepada ekonomi. Apa pun wang yang dibelanjakan sekarang mestilah untuk pembangunan sahaja, dan diharap di masa akan datang wang tidak lagi dibelanjakan dengan boros, dengan projek-projek yang cuma untuk dibangga-banggakan sahaja. Perbelanjaan yang boros seperti

bangunan Lapangan Terbang Subang sekarang ini terkena dengan atapnya yang bocor, maka pada sidang Parlimen ini Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri ditegur kerana menukar kereta-kereta baharu walaupun kereta-kereta yang lama masih boleh digunakan. Saya fikir satu masa dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru supaya diadakan langkah berjimat-cermat dan mengurangkan lawatan-lawatan keluar negeri. Menukar kereta-kereta baharu di mana kereta-kereta lama masih boleh digunakan adalah sangat berlawanan dengan maksud hendak berjimat-cermat itu. Sekarang bolehlah dikatakan ada satu boom dalam ekonomi, tetapi Perbendaharaan negara mestilah memikirkan apa akan berlaku bila pengunduran (recession) dan crisis energy dalam negara-negara membangun.

*Inflation and the Adverse Effect on Low Income Groups*

Mr Speaker, Sir, there is no denying that we are in the midst of a galloping inflation. The Consumer Price Index in the Treasury Report states that the increase for 1973 has been 10% over 1972. This is a figure which is comparable to developed countries like Japan, Britain, France and West Germany. For a developing country, where incomes are much below that of developed countries, the implications are much more serious. There seem to be no stopping of the rate of inflation as shown by the Consumer Price Index which has jumped from 4.4% in the first quarter of this year to 12.7% in the third quarter, and it does not seem to be ending there. And this despite the fact that the Government has tried measures like floating the Malaysian Ringgit.

The Minister of Finance in closing his budget speech finally came down to admitting that inflation was the No. 1 economic problem. Previously he was mesmerised by the record of a slow 1% annual increase in inflation, and therefore reality escaped him only until recently. Nevertheless, it is important that the Honourable Minister has admitted and recognised that inflation has descended upon this country, and that no stone should be left unturned to combat it or that the fruits of 16 years economic growth would be wiped away. However, it is not sufficient to recognise the problem, but it is also necessary to know the causes, if it is the intention to at least keep inflation under control.

It would be downright stupid to put the blame solely on imported inflation. The exercise in floating the ringgit against the U.S. dollar and the pound sterling and other foreign currencies without bringing a corresponding drop in the prices of goods from United States and Great Britain show that there are other forces at work. Forces such as higher freight charges, shortage of goods, profiteering cartels, both at home and abroad and home inflation are factors to consider.

It costs more to buy a kati of rice now. The worker finds it hard to make ends meet, and demands higher wages. The hawker must sell a bowl of mee some twenty cents or thirty cents more to pay for increased cost of ingredients and labour. Goods which are produced locally like rice, meat and building materials have shot up because of rising costs of production. Local or home causes of inflation are just as real, and the major source of local inflation is the sales tax. Everybody in this House knows this except the Minister of Finance who is gleeful of the prospect of collecting $223 million in 1974 from the sales tax, without realising the widespread inflationary effect of the sales tax on a wide variety of goods produced in the country.

While the DAP welcomes the abolition of import duties on 33 items of goods, reduction of import duties on 9 items, abolition of excise duties and imposition of export duties on local goods, it is doubtful if these can bring about the desired effect of reducing or controlling inflation. More dynamic measures must be taken.

1. The sales tax should be abolished.

2. To ensure that local requirements are first met at reasonable prices, export controls or even bans on locally produced goods are necessary. The local market should have first call on timber products, cement, steel, shrimps and even petrol or oil.

3. Perhatian khas kepada orang-orang miskin. Kepada mereka yang dari golongan berpendapatan rendah 85% rumah tangga yang pendapatan kurang dari $400 sebulan dan menanggung 5 orang dalam satu

keluarga. Harga makanan mestilah diturunkan kepada peringkat yang menasabah. Inflasi memberi pukulan hebat kepada mereka ini kerana sebahagian pendapatan mereka dibelanjakan untuk barang-barang makanan keperluan dengan harga barang-barang makin naik sehingga 21.3% sepertimana yang dilapurkan di dalam lapuran Perbendaharaan. Harga barang-barang yang mesti dikawal ini termasuklah beras, gula, minyak masak, tepong dan lain-lain barang keperluan, jika perlu, sabsidi boleh juga menurunkan harga seperti perkara sabsidi kepada mengimpot beras.

Mr Speaker, Sir, there should be a minimum wage for workers, with regular annual increases in pay to cope with the expected annual rise of inflation. This should not be too difficult, as judging by the profits made by companies and factories, a decision on a fair wage with annual pay rises should be acceptable to the management. An annual pay rise is necessary to cope with the annual rates of rising inflation.

The Government should encourage the setting up of co-operatives both wholesale and retail, to set an example of selling goods at fair prices, and to break any profiteering cartel. Restoran Rakyat is an example, and its cheap meals have proved a boon to workers, but more people's restaurants of such nature should be established.

4. *Increase in Food Production*

The United Nations grain production experts predict that the world shortage of grain whether rice, wheat or maize would continue into 1974. This country is undergoing the stresses of rice shortage, and despite what the Government may say, there is a shortage of local rice and what is obtainable has to be paid for some 30% above the official rate. To offset further shortages, more land for padi growing will have to be increased. It is unlikely that this can mean over-production with consequent hardship to padi farmers. The green revolution which was heard about some two years ago has failed to materialise. The increasing population and diminishing acreage of arable land decrees that food production, in particular rice, should be increased. The Government should aim not only for 100% self-sufficiency in rice, but also aim for the export market, as there are teeming millions of mouths to feed in South East Asia.

5. *Fiscal Measures*

Where monetary policies are concerned, the Government is in a dilemma about whether to spend or not to spend, because spending may add fuel to the fire of inflation.

Their concern about spending is shown by the steps to reduce money supply such as raising the lending and borrowing rates of banks and mopping up surplus funds through Government loans. The Minister of Finance refused to repeal the sales tax because, and I quote: "reduction of taxation will place more funds in circulation and will therefore only add to the problem."

Then in the very same breath, the Minister of Finance announced that the total budget expenditure for 1974 is estimated to be 17% above the 1973, which means well over a billion dollars. The $223 million from sales tax in 1974 is chicken feed or peanuts by comparison with the increase in Budget expenditure!

The Treasury Report also forecasts that public sector spending would increase by 9% in 1974 compared with a 6.5% increase in 1973 and that private investment is also expected to increase by 8% in 1974 compared with 5% for 1973. Private consumption will also increase by 9% as compared with 6½% for 1973. In short, there will be much more spending in 1974. All this spending may well be necessary for development, but what will it do to inflation? What will be the consequences?

The problem that is faced now is that while it is necessary to achieve a high rate of growth (to create employment and better living standards) there must also be minimal or manageable inflation. This is a tightrope which the Minister of Finance has to balance on in the coming year.

Public and private investment should be complementary. There should be no competition for skills and materials as this would only quicken the inflationary spiral. The Government should stop building large ostentatious government buildings, and reserve the materials and the skills for low-cost housing.

Spending should also be channelled to productive projects which create goods and jobs, such as factories and land cultivation of crops. Factories should be streamlined and geared to export-orientated industries. Manufactured goods form 19% of the exports for 1973, and should be encouraged to export more. In this connection, floating the ringgit against foreign currencies may prove to be a double edge sword for while it is hoped to reduce import costs, it may also prise our manufactured goods out of world markets. This floating of the ringgit game is something new and therefore caution must be exercised.

Private consumer spending will increase because there is more money in the pockets of consumers with high prices for rubber and other commodities. It is important to educate them to save for a rainy day, rather than to go on a reckless spending spree and buy air-conditioners or refrigerators although there is no electricity supply to their homes. Better still, factories and plantations should encourage workers to become co-partners, by offering them shares at discount rates. This would induce savings and cut down on consumption of goods, which are scarce enough as it is.

6. *Improving Productivity of Workers*

It is a well-known fact that workers with special skills receive better wages than unskilled workers. With the boom in building construction, agricultural development and new factories coming up, the demand for skilled workers is there and will grow. Unfortunately there is a shortage of skilled workers and this is largely due to a defective education system.

Table III of the Treasury Report shows that for the 15-16 years old group, only 24% are in upper secondary schools, technical institutes and vocational schools. The other 76% are thrown into the labour market looking for a job, equipped at best with an education suitable only for a white-colour job. Mr Speaker, Sir, this is a wanton waste of manpower. Given the right vocational or technical schools this 76% can be trained as skilled artisans, technicians or agricultural assistants, and be able to earn for themselves higher wages in order to ride the rough waves of inflation.

The D.A.P. calls upon the Government to build more vocational and technical institutes to give our youths a decent chance to cope with the challenges of society.

7. *Trade and Co-operation between ASEAN Countries*

Walaupun perdagangan dengan negara ASEAN sangat minima, sekop untuk memperbaikinya boleh diluaskan lagi. Kecuali Singapura lain-lain negara adalah mempunyai perdagangan ekonomi dalam mana masing-masing ialah negara pengekspot terbesar bahan-bahan primary seperti getah, kayu-kayan dan bijih timah. Bagaimanapun bidang yang baik untuk faedah semua negara-negara yang menyertai ASEAN ialah dengan mengadakan kerjasama dalam ekonomi. Pelancungan merupakan satu contoh kerjasama yang boleh menarik lebih ramai malah bertambah bilangan pelancung-pelancung datang ke Asia Tenggara.

Mr Speaker, Sir, industrialisation is one of the major planks on which Malaysia is concentrating to provide employment and higher living standards for our people, and this is one field where greater efforts should be made to promote development on an integrated basis. There are over 200 million people in South-East Asia, a sizeable potential market by any standards. To tap this market effectively, ASEAN Countries must work towards complementary industrialisation rather than competing industrialisation. South-East Asia is replete with natural resources but it is short of capital—money—which however can be overcome if ASEAN pool their financial capacities together. Industries like steel mills and petrochemicals which require huge amounts of capital are projects which though not feasible if attempted by one individual member of ASEAN, can become feasible and viable if planned on an integrated scale with each member playing an active role.

Car manufacture is another industry which becomes feasible when each member produces a component of the car. Just now, each ASEAN member is only assembling cars with the major components like engines and car chassis imported from Japan, Europe and other countries. Some studies have already been made on this, and the Government is urged to pursue this matter of an all ASEAN

car further, and pursue it with alacrity, with speed and not at the easy going lackadaisaical pace of the present.

While it is true that in pursuing national goals which benefit the people, it is also true that the major thrust for advancement of these goals will depend largely on the export of manufactured goods. In this respect the sheer necessity to gear the industries for export demands that economic nationalism must change to a more international outlook. The saying, "No man is an island, entire of itself" is a fitting description of the world economy. Malaysia, as a member of the ASEAN regional group, can play a more meaningful and rewarding role through ASEAN, if it is the target to enlarge her trade and exports to other countries.

*4.27 ptg.*

**Datuk Peter Lo Su Yin (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Minta dipendekan sedikit Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

**Datuk Peter Lo Su Yin:** Mr Speaker, Sir, I welcome the Honourable Finance Minister's statement that inflation is the country's No. 1 problem, and I do so because the recognition of this problem is vitally important for the continuing good health of the nation's economy. As such, I congratulate the Honourable Minister for it, and I congratulate him also for the speed with which he carries out the treatment of the disease when it is still (we hope) in its incipient simplicity.

Sir, the Honourable Finance Minister has characterised the problem of inflation as a new phenomenon in this country. On this I cannot agree with him and I do so not without trepidation, having regard to his reputation, both at home and outside of it, which, to say the least, stands very high with people who ought to know. Nevertheless, I venture to suggest that for us, in Sabah, the problem is anything but new. For years the State has been plagued by inflation, acute inflation, whether real or artificially created, and the problem remains intractable all the time. This is sad. However, now that the problem has been pin-pointed on a national basis, I hope a determined effort will be made to combat it in a way which would yield results substantial enough for us to be able to say: "We have done well in this fight, too". If necessary, the problem should be tackled on a basis which will take into account the peculiar circumstances of each region. This is a common-sense view, for let it be admitted that, for Sabah and Sarawak, there are bound to be elements in the equation which do not necessarily apply to Peninsular Malaysia, or vice versa. To be sure, this is the obvious result of two component parts of the whole having experienced different levels of advancement at different periods of time in their respective history. And to equate the one to the other under the circumstances is, therefore, not likely to achieve any meaningful result for the two Borneo States in this fight.

Mr Speaker, Sir, I spoke of the treatment of the disease by the Honourable Finance Minister. The measures he has taken in this connection are realistic and positive. But they do not obviously go far enough; no, not by a long shot, if I may use the colloquillism. In saying this, I do not forget that the Honourable Minister has promised to abolish duties of other consumers' goods. I do not forget also the Government anti-cyclical posture, nor indeed the proposed investigation into the reasons as to why our currency does not enjoy the extra benefit that should accrue to it by reason of its superior exchange value. So also, I do not forget the provisions of the Control of Supplies Act. All these measures are unquestionably powerful weapons in our armoury with which to fight inflation. There are other measures already taken by Government, mostly of a relief nature, and so can only be categorised as of ephemeral value only.

Sir, to the measures that we now have, may usefully be added two others to the list of our armoury. The first is by way of increasing the bank interest rate, in order to encourage saving, and the other is by a way of decreasing the credit availability, so as to curb spending except on projects which promote economic growth or provide social benefits for our people to uplift their standard of living. The two measures should go together as a pair of Siamese twins if we are to achieve some useful result as I am sure we will if the whole exercise is carried out judiciously in the

way as the Honourable Finance Minister illustrated in his anti-cyclical posture statement.

At this stage, Sir, I would like to welcome the proposal to introduce a Land Speculation Tax. This is another powerful weapon to help curb inflation, but like some Honourable Members in this House, I doubt the efficacy of this tax, as at present envisaged, to perform the role for which it is intended. As a matter of fact, I am rather attracted to the idea on the lines propounded by the Honourable Member for Muar Dalam. Certainly his idea deserves to be studied carefully, and in any event we must bring down the price of land transactions subject to this tax to a much lower figure to have any significant effect on the over-all scheme of things.

Sir, while I am on the subject of land, I think there is need for the Government to make land available to the low-income groups to build their own houses at fair and reasonable, if not nominal prices. I realise land is a State matter, but the Central Government can help, as a matter of policy, if it resolves that land should be enjoyed equally by the masses, particularly those whose income would not permit them to buy houses in the open market. If the Government does this, it will give substance to its avowed policy of creating a property-owning democracy. The policy would moreover be in entire accord with the aims and objects of the Second Malaysia Plan. Further, it would automatically help to bring down the price of land—a move which is also in accord with the object of the proposal to fight inflation and not merely to earn revenue.

Sir, we have plenty of good land in both the urban and in the rural areas, and the Government can afford to alienate some of this land for the use and benefit of our people. This is one way in which a just society can be created quickly, and the people cry out for such aid, to which they feel they are entitled, from the Government whom they have elected to look after their welfare. This may not be the way the older democracies work but Malaysia is not an old country; it is a young country, with independence thrown more or less on the laps of the people before they knew it, and their expectations must naturally run high. No doubt the Government has done a lot for their betterment, and no doubt more will be done in the future. But patience is rarely a virtue of a newly independent people, and more often than not they are not moved by reason but by emotion.

Sir, to achieve meaningful progress in a place such as Sabah, we must have the basic infrastructure from which all development may thereafter commence. This means roads and more roads, without which there can be no progress. Speaking of roads, Sir, construction is going on at a snail's pace. Here I would prefer to the East-West High Way in Sabah. This much-vaunted road has been spoken of even before Merdeka, and although work has started years ago, it remains uncompleted so far. It is not the lack of money, I understand, which has so often held up work. It is not even man-power problem. It is stones—yes, stones, Mr Speaker, Sir, This is the irony: here in Sabah we have plenty of stones, everywhere, or so I am told; but we have no crushed stones for construction of roads. One should have thought that in a project such as this, the Department concerned would see to it there was an abundant supply of stones before they embarked on the job. But no, they did not; there were no ready supply of stones, no quarries, no nothing—with the result the road remains uncompleted and perhaps the workmen laid off from work with full pay. This is one reason, the Honourable Finance Minister will tell us leads to inflation because of waste—I agree. Sir, the Department concerned must build quarries of its own if the road is to be completed in good time. It is no good to depend solely on supplies from private sources. The supply, I am told in any event comes in dribs and drabs, and worse still, the stones supplied are often not of the right quality. Sir, the East-West High Way is vital to us in Sabah for political and economic reasons. It must be completed quickly. But, of course, this is the only one trunk road that I have mentioned. There are at least two other important trunk roads—the East Coast Road and the West Coast Road. I do not know what is the fate of these two roads, but I will not be surprised if I am told that work has also been stopped because of lack of stones. To

avoid further disappointment, I would suggest that the department gets its priorities right—or muddle along as it now is.

Sir, it is 10 years since we became independent through Malaysia. During this period, we have seen the establishment of several universities in Peninsular Malaysia. This is as it should be and we rejoice with our people here. However, it will be remembered that when Sabah was about to enter Malaysia, an express promise was given to the two Borneo States that every consideration would be given for the establishment of such an institution of learning. So far there is no indication of such an institution being forthcoming.

At the debate on the Speech from the Throne sometime in May last, I made the plea for a university to be set up in Sabah. This plea has not in any way been responded to. Since then, at the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, to be precise, the Chief Minister of Sarawak who is also the Member for Payang, had made a similar plea and at the same time offered a 250,000 acres site for the University campus. I do not know what is the answer to the plea-cum-offer, at any rate the Chief Minister appeared to have done very well for himself; for within a matter of days after he delivered his speech in this House he was able to announce in Sarawak that a University of Agriculture was about to be set up there soon. In saying this, I do not begrudge our people in Sarawak; good luck to them I say because they deserve a university too, but Sabah should not be left out in the cold. We have a legitimate claim and that claim should now be satisfied.

Sir, it remains for me to say, by way of conclusion, that the economic prospects for next year remains good despite the energy crisis. Like many Honourable Members in this House, I share the view that Malaysia will continue to prosper, particularly having regard to the fact that we now have many projects of great economic potential in the pipe-lines, subject always to our ability to contain inflation within manageable limits.

*4.42 ptg.*

**Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Sungai Patani):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1974 dan mengalu-alukan langkah Kerajaan melonggarkan cukai-cukai pada beberapa benda-benda keperluan hidup yang akan mengurangkan banyak perbelanjaan hidup rakyat hari-hari.

Saya sangat berharap Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan kenaikan perbelanjaan hidup dan tidak ragu-ragu mengambil tindakan yang tegas mengatasi masaalah itu. Seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Dewan ini bahawa inflasi hendaklah diperangi bersama-sama oleh Kerajaan dan rakyat dan saya sangat berharap supaya Kerajaan mengambil daya-usaha menggunakan segala alat-alat mass media dan kerjasama dengan kakitangan Kerajaan supaya menyedarkan rakyat hakikat yang sebenarnya sebab-sebab dan bagaimana rakyat dapat berkerjasama mengurangkan inflasi ini.

*Perbadanan Kemajuan Negeri*

Saya percaya Perbandanan Kemajuan Negeri dapat memberi kerjasama yang penuh bagi mengurang atau menurunkan harga-harga barang, iaitu dengan menubuhkan lebih banyak lagi kedai-kedai borong dan kedai-kedai runcit di peringkat-peringkat daerah dan kampung-kampung, tetapi apa yang dapat diketahui sebahagian daripada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri itu tidak dapat menjalankan kerja yang tersebut kerana kekurangan wang. Ada sebahagian daripada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini waktu hendak melaksanakan rancangan-rancangan seperti membuka kedai-kedai runcit ini kekurangan wang disebabkan oleh pendapatannya itu sangat terhad. Maka inilah saya sangat berharap supaya Kerajaan Persekutuan memberi bantuan khas atau pertolongan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini sambil memberi arahan supaya usaha-usaha menubuhkan kedai-kedai runcit dan kedai borong ini dapat dilaksanakan dengan segera. Saya dapat tahu badan-badan atau Perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri sewaktu hendak menjalankan atau menubuhkan kedai-kedai borong ini oleh sebab kekurangan wang telah menggunakan wang-wang pinjaman daripada bank-bank perniagaan. Ini tentu menyulitkan perjalanan bagi menjayakan kedai-kedai tersebut, kerana bank-bank perniagaan telah menggunakan bunga-bunga yang lebih, manakala perniagaan runcit atau perniagaan borong ini mendapat faedah yang paling kecil iaitu tidak

boleh lebih saya fikir daripada 5%. Ini tentulah mengendalakan usaha-usaha Kerajaan dalam mengatasi inflasi.

Menyebut berkenaan dengan perbadanan atau badan-badan yang berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan, maka tentu timbul kekurangan pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan. Maka sekarang ini telah timbul pula perebutan mencuri pegawai-pegawai di antara badan-badan berkanun ini dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, di mana setengah-setengah perbadanan yang kaya atau cukup kuat menawarkan pegawai-pegawai badan-badan lain dengan gaji-gaji yang lebih, maka yang menjadi mangsa ini ialah badan-badan berkanun yang wangnya terhad. Jadi, saya berpendapat bagi mengatasi masaalah ini patutlah Jabatan Perdana Menteri mengkaji masaalah ini supaya mengadakan satu penyelarasan iaitu menetapkan satu tangga-gaji yang sama kepada pegawai-pegawai dalam badan-badan yang berkanun atau Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri supaya badan-badan yang berkanun ini tidak curi-mencuri pegawai-pegawai yang layak.

*Perkembangan Rohaniah*

Dalam Kajian Malaysia Kedua, yang telah dibahaskan baru-baru ini dan juga dalam perbelanjaan tahun depan, Kerajaan telah menitikberatkan begitu banyak perbelanjaan dalam perkembagan ekonomi. Saya menyokong tentang perkembangan ekonomi ini, tetapi saya sangat berharap supaya perkembangan ekonomi ini harus diseimbangkan dengan perkembangan ugama atau perkembangan rohaniah. Ini bukan bermaksud saya menapikan usaha-usaha Kerajaan membantu hal-hal ugama seperti mendirikan masjid, madrasah, kuil dan sebagainya. Apa yang saya maksudkan di sini ialah Kerajaan haruslah mengadakan peruntukan-peruntukan menolong badan-badan dakwah, mubaligh-mubaligh Islam atau pertubuhan ugama yang lain, yang menjalankan dasar-dasar yang sesuai dengan kehendak-kehendak Kerajaan, kerana saya yakin kalau satu-satu negeri menitikberatkan hanya perkembangan ekonomi sahaja tidak diseimbangkan dengan perkembangan rohani, maka saya percaya kemajuan negeri itu tersekat dan akan runtuh seperti mana berlaku pada negeri-negeri yang telah maju.

*Indastri Filem*

Dalam perbelanjaan tahun depan dan juga perbelanjaan yang telah lalu nampaknya Kerajaan melalaikan sedikit tentang perkembangan indastri filem. Saya percaya filem ialah satu alat yang boleh menolong kita mengubahkan fikiran, cara berfikir rakyat bagi mengatasi masaalah dan menimbulkan semangat kebangsaan dan semangat cintakan tanahair—sepertimana kehendak-kehendak Rukunegara. Akan tetapi, dalam perbelanjaan kita dalam Rancangan Malaysia Kedua usaha menggalakkan satu indastri filem tempatan tidak ada dan malangnya pula indastri ini sekarang makin sehari makin merosot. Tiap-tiap panggung wayang gambar kita penuh dengan tayangan filem-filem dari luar negeri.

Saya fikir sekarang Kerajaan hanya membiarkan indastri filem ini di jalan dan diusahakan oleh pihak swasta atau lebih tegas kapitalis-kapitalis yang berdasarkan perkembangan filem itu dari segi material, atau segi sex atau segi menarikkan keuntungan yang sebesar-besarnya dalam indastri tersebut. Tidak seperti setengah daripada indastri-indastri filem dalam negeri jiran kita, di mana mereka telah mengambil cukai daripada pengimpot-pengimpot filem luar dan hasil dari cukai itu ditubuhkan badan kewangan dan badan kewangan itu pula memberi bantuan untuk memajukan filem indastri tempatan. Sekarang indastri filem daripada negara jiran kita itu dapat kita tengok sangat maju dibandingkan dengan filem-filem keluaran kita. Saya sangat berharap pihak Kerajaan mengkaji hal ini supaya kita dapat memajukan indastri filem tempatan bersesuaian dengan kehendak-kehendak negara dan masyarakat kita dalam masa pembangunan kita yang ada ini. Saya yakin perusahaan filem ini akan memberi satu dorongan yang besar kepada rakyat kita.

*Pinjaman kepada Bumiputra*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit lagi berkenaan pertolongan atau bantuan pinjaman daripada badan-badan yang berkanun kepada bumiputra dalam menjalankan perusahaan dan perniagaan seperti MARA, UDA dan sebagainya. Saya berharap kalau dapat ditimbang oleh Kerajaan supaya mana-mana pinjaman yang diberi kepada bumiputra bagi memajukan perniagaan dan perusahaan sekiranya

pinjaman itu akan mengambil masa jangka panjang, maka hendaklah pinjaman itu diberi jangka masa (edah) waktu membayarnya balik. Edah maksud saya ialah memberi kelapangan masa hendak mula membayarkan hutang tersebut. Misalnya, kalau meminjam untuk membuat satu indastri $20 ribu atau $60 ribu maka sekurang-kurangnya 3 atau 4 tahun edah tak dibayar dan dimulakan pembayarannya apabila sesuatu perusahaan itu maju atau boleh hidup (survival) barulah dibayar.

Sekarang ini saya dapat sungutan daripada ahli-ahli perusahaan dan perniagaan bumiputra, bila MARA, UDA dan sebagainya memberi pinjaman, maka sesudah wang itu diberi, maka bayaran balik itu segera dimulakan. Ini adalah memberatkan si-peminjam. Amalan memberi kelapangan membayar balik ini saya percaya biasa dijalankan oleh setengah-setengah pihak di antara Kerajaan dengan Kerajaan atau pihak bank dan sebagainya. Jadi ini kalau dibuat saya berasa tentulah melonggarkan sedikit jalan kemajuan-kemajuan yang dapat dicapai oleh pihak bumiputra.

*Pekerja-pekerja Mahir*

Tuan Yang di-Pertua, dalam kalangan bumiputra iaitu penduduk di luarbandar, pekerja-pekerja yang mahir sangat kurang dan sekarang seperti mana yang kita dapat ketahui Kementerian-kementerian Buruh, Belia dan Sukan, MARA dan sebagainya telah mengadakan latihan kursus bagi membanyakkan belia-belia kita menjadi pekerja yang mahir, tetapi nampaknya penyelarasan di antara rancangan-rancangan ini tak ada. Saya sangat berharap supaya tiap-tiap Kementerian dapat menyatukan tenaga dengan mengadakan satu skim yang bersatu bagi melatih pekerja-pekerja mahir seumpama ini, dan ada baiknya kalau dalam latihan atau sekim yang seumpama itu kita mendapat kerjasama yang sepenuh daripada pihak swasta. Kerana tentulah akan menjadi sia-sia pemuda-pemuda yang kita latihkan ini tidak mendapat kerjasama daripada pihak swasta yang menubuhkan indastri dan perusahaan di dalam negeri kita.

*Rancangan Kecil*

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa dan saya minta supaya dibanyakkan sedikit peruntukan rancangan kecil. Nampaknya, semenjak dalam setahun dua yang lalu dalam peruntukan rancangan kecil ini makin hari semakin kurang, kerana kegunaan wang negara kita ini kononnya ditujukan kepada soal-soal ekonomi. Soal-soal yang boleh belia-belia kita dapat kerja yang sebanyak-banyaknya. Jadi peruntukan yang biasanya diberi sampai $1 juta, $3 juta itu telah turun merosot sehingga tinggal $400,000 atau $300,000 daripada setahun ke setahun. Yang sebenarnya rancangan kecil ini adalah sangat mustahak kepada orang-orang di luarbandar, terutama apabila kejadian-kejadian malapetaka, banjir, hujan dan sebagainya yang berlaku di tiap-tiap tahun di mana alat-alat perhubungan di kampung-kampung, di jalan-jalan kecil, titi kecil, tanah merah hendak masuk ke kampung dan sebagainya. Ini tiap-tiap tahun rosak. Kalau peruntukan ini makin kurang saya percaya perasaan dan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan tentang menjalankan dasar-dasar membaiki keadaan hidup mereka bertambah kurang. Saya mengambil peluang ini meminta pihak Kementerian Pembangunan Desa dapat menambahkan peruntukan tentang rancangan-rancangan kecil ini, jangan hanya bila sampai satu masa yang dikehendaki baru rancangan ini turun macam buah durian runtuh. Ini bukan sahaja rosak tetapi rakyat berasa mereka seperti hendak dibeli dengan rancangan kecil tersebut. Jadi dengan sebab itu, saya sangat berharap supaya peruntukan yang telah dikecilkan oleh Kementerian yang berkenaan di atas rancangan itu hendaklah diperbesarkan balik.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

*5.02 ptg.*

**Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapan Belanjawannya yang ke 14.

Menteri Kewangan telah membentangkan kepada Dewan ini satu assessment berjujur terhadap tenaga ekonomi dan kewangan negara ini. Beliau mengatakan bahawa tahun 1973 ialah satu tahun yang menggalakkan bagi Malaysia dalam bidang kewangan. Beberapa kejadian-kejadian besar telah

timbul seperti perhentian persetujuan interchangeability karensi dengan Singapura, pembentukan pertukaran saham kita sendiri, kenaikan belanja index kehidupan lebih kurang 10% dan pertambahan jumlah product-product negara ke 20% dari harga-harga sekarang, krisis monetari antara bangsa yang membawa kekacauan dalam pasaran-pasaran monetari dunia, liberalisasi peraturan-peraturan pertukaran asing kita dan pertubuhan satu pasaran getah sendiri. Kejadian-kejadian ini tidak mengurangkan tenaga ekonomi Malaysia atau menurunkan tenaga Ringgit Malaysia di pasaran dunia hari ini. Sebagaimana dilapurkan dalam Lapuran Ekonomi Perbendaharaan 1973-1974, pada hujung November, 1973, Ringgit Malaysia telah naik lebih kurang 21% terhadap Dollar-U.S., 29% terhadap pound sterling dan lebih kurang 4% terhadap Yen Jepun, lebih kurang 2% terhadap Dollar Singapura semenjak dua karensi ini memulai float mereka. Akibat kekacauan karensi baru ini telah berfaedah kepada imbangan perdagangan Malaysia.

*Inflasi*

Tetapi, beliau pun adalah membuat satu amaran bahawa musuh yang terbesar kepada ekonomi kita pada masa sekarang iaitu inflasi yang sebahagian besarnya datang daripada inflasi impot. Beliau pun mengatakan bahawa oleh sebab pertumbuhan kadar-kadar inflasi di negara-negara berindastri besar di dunia ini, tidaklah dinampakkan bahawa syarat-syarat kemakmuran extra ordinary yang dinikmati oleh Malaysia tahun ini akan diteruskan tahun depan kerana inflasi ekonomi indastri besar itu dijangkakan akan mengakibatkan ekonomi Malaysia dalam tahun 1974. Belanjawan dikemukakan tahun ini ialah satu belanjawan yang besar sebagaimana boleh dinampakkan dari peruntukan-peruntukan diberikan kepada beberapa Kementerian-kementerian itu. Belanjawan 1974 seperti diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjumlahkan lebih kurang 5 billion. Daripada jumlah ini $3,529.8 juta akan diuntukkan sebagai belanja operating bila belanja pembangunan akan berjumlah $1,894.4 juta. Belanjawan besar ini ialah lebih kurang 11% melebihi Belanjawan tahun 1973. Seperti biasanya, satu bahagian besar Belanjawan ini pergi ke pelajaran, kesihatan, kebudayaan, belia dan sukan, kebajikan dan buruh supaya memperbaiki qualiti kehidupan semua orang-orang Malaysia dalam negara ini. Jumlah estimate untuk perkhidmatan-perkhidmatan sosial ialah $1,492.3 juta yang mewakili 27.8% jumlah belanjawan itu.

*Sosial dan Ekonomi*

Tuan Yang di-Pertua, matlamat akhir pembangunan sosial dan ekonomi dalam negara ini bertujuan kepada kebaikan qualiti kehidupan orang-orang Malaysia berbilang kaum.

Matlamat ini bukan sahaja menambahkan productiviti dan pendapatan, tetapi untuk menjamin bahawa orang-orang tidak berada di Malaysia boleh mengadakan jalan ke keperluan-keperluan asas seperti nutrisi cukup, kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan, perumahan, pelajaran, air, letrik, kemudahan-kemudahan rekreasi (recreational) serta perkhidmatan-perkhidmatan komuniti.

Adalah diakui bahawa banyak kerja telah dibuat dalam kebanyakan bidang, tetapi seseorang harus mengakui hakikat bahawa orang-orang tidak berada dalam populasi kita menjadikan tulang-belakang pasukan buruh kita. Inflasi, jika tidak diberikan perhatian sepenuh-penuhnya akan membawa kekacauan indastri. Sebab ini lebih banyak ameniti-ameniti harus diberikan kepada orang-orang luar bandar dan orang-orang tidak ada di kawasan-kawasan bandar.

Populasi luar bandar kita ialah lebih kurang 6.3 juta dan mengikut kajian semula Rancangan Malaysia Kedua bagi 1971-1973, kemajuan dalam pelaksanaan elektrifikasi luar bandar berfaedah kepada 55,000 orang luar bandar sahaja, iaitu 0.9% dan $24.8 juta telah dibelanjakan untuk tujuan ini.

*Pembekalan Letrik*

Satu tambahan $35.4 juta telah dibelanjawankan supaya membekalkan letrik kepada penduduk-penduduk luar bandar yang akan berfaedah kepada 1% konsumer-konsumer sahaja. Kekurangan letrik memang mengadakan kesan buruk pertama kepada pelajaran kanak-kanak di kawasan-kawasan ini dan kedua dalam kemajuan alam sekeliling.

Dengan kemajuan lebih besar dalam pelaksanaan elektrifikasi luar bandar, kita boleh menampak dalam kemungkinan mengadakan pelajaran melalui Televisi. Cara ini akan memberikan pertolongan yang besar kepada murid-murid dalam kawasan-kawasan, kerana cara ini akan meminimisekan keperluan pergi kawasan-kawasan bandar supaya mendapatkan kemudahan-kemudahan pelajaran yang lebih baik. Dalam masa yang sama, rakyat luar bandar dan penduduk-penduduk kampung baru akan mengadakan peluang menampak kemajuan yang dicapai dalam negara kita.

*Masyarakat Malaysia*

Dalam usaha-usaha menyusunkan masyarakat Malaysia mengurangkan tidak seimbangan dalam pendapatan, employmen dan hakmilik dan management atas asset-asset productive dalam ekonominya, kita tidak harus mengenepikan bahawa banyak masaalah-masaalah sosial baru mungkin diakibatkan. Sebab itu, orang-orang yang melaksanakan tugasnya mesti tidak boleh berat-sebelah dan mesti beradil kerana masyarakat kita mengandungi rakyat-berbilang kaum keutamaan diberikan kepada satu komuniti dengan cepatnya mungkin bermakna merampaskan peluang-peluang yang lain.

Kita tidak boleh melupakan iaitu "Semua orang dilahirkan sama, sebab itu, warganegara kita harus dilayankan sama." Pembina-pembina negara yang adil ini mempunyai semangat brotherhood yang memimpin Malaysia ke hari ini. Polisi-polisi yang mungkin mengeluarkan polarisasi dalam berbilang kaum kita harus dihapuskan semua sekali.

Masaalah-masaalah sosial memang muncul di semua negara-negara di dunia ini. Tetapi masyarakat kita ialah satu masyarakat berbilang kaum dan sebarang polisi-polisi adil yang dibuat oleh Kerajaan kita mesti dilaksanakan oleh implementer-implementer yang mempunyai tujuan tunggal untuk memperbaiki kehidupan rakyat kita tanpa kiraan kaumnya. Salah satu masaalah yang besar dan merbahaya di sini hari ini ialah masaalah belia kita. Semua perhatian harus dipusatkan supaya memberikan belia-belia kita dengan peluang-peluang terbaik dalam kehidupan. Tidaklah gunanya membinakan satu ekonomi yang termaju, tetapi dimenampakkan generasi masa depan kita tidak mempunyai kebolehan mengambil-alihnya. 70.4% populasi kita ialah belia-belia yang menikmati kejayaan-kejayaan kita sekarang.

Mereka mesti diajar, jangan berfikir antara mereka sebagai orang Melayu, orang Cina atau orang Indian, tetapi sebagai orang Malaysia. Kecuali perkara ini dicapaikan, kita tidak dapat mengatakan dengan bangga, iaitu kita telah mencapaikan perpaduan negara.

*Hospital*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, nombor katil-katil hospital di Mlaysia telah bertambah dari 17,000 pada tahun 1971 ke 18,186 pada tahun 1973. Dengan tambahan 1,186 buah katil, perkhidmatan kesihatan telah membekalkan 1 katil sahaja bagi tiap-tiap 580 orang warganegara, yang sangat bawah jangkaan, menampakkan bahawa kadar pembiakan populasi tahunan kita ialah lebih kurang 218%. Peruntukan $226.8 juta untuk kesihatan dan Rancangan Keluarga boleh diperbaiki kerana mereka bertanggungjawab terus atas kesihatan majority warganegara kita.

*Pelajaran Percuma*

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan sebarang negara bergantung sepenuhnya atas literari (literary) rakyat kita. 70.4% populasi kita menjatuhkan bahawa kumpulan umur 29 tahun, iaitu 25.1% ialah antara 15-18 tahun. Mereka ialah orang-orang bertanggungjawab pembinaan dan pemimpinan negara kita masa depan. Sebab ini, polisi kita harus dibuat supaya membekalkan pelajaran percuma bagi sekurang-kurangnya hingga taraf L.C.E. Tambahan, Kementerian Pelajaran harus mengawasi bahawa orang-orang miskin tidak payah membeli buku-buku text bagi darjah sama tiap-tiap tahun. Sistem dahulu, iaitu memberikan buku-buku text kepada anggota-anggota lebih muda di keluarga tidak ada lagi. Penerbit-penerbit mencadangkan edisi-edisi baru tiap-tiap tahun bagi darjah sama bertujuan mendapatkan keuntungan Kementerian Pelajaran harus menunjukkan lebih banyak pertimbangan kepada orang-orang tidak ada dalam masaalah khas ini.

*Teknisian*

Dengan program expansi indastri besar kita, satu nombor besar teknisian-teknisian bermahir diperlukan. Kerajaan sekarang mesti membuat rancangan supaya menggalakkan lebih ramai murid-murid dalam maktab-maktab dan universiti-universiti merancangkan masa depan mereka menerima kerja kollar biru. Murid-murid ini adalah bertanggungjawab menolong membangunkan negara dan masyarakat kita, kerana kursus-kursus mereka di institusi-institusi ialah banyaknya di subsidisekan oleh tabung-tabung orang ramai.

*Penyertaan Belia*

Tuan Yang di-Pertau pada pendapat saya, semua badan-badan belia harus mengadakan penyertaan berbilang kaum, iaitu dalam kebudayaan atau kegiatan-kegiatan sukan, supaya belia-belia berbilang kaum itu boleh belajar mengetahui dan menghormati cara kehidupan antara mereka itu. Inilah perkara mustahak kerana kita sedang dalam masa penting mengujudkan satu kebudayaan Malaysia.

Saya percaya bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai tanggungjawab yang besar dan harus mememainkan peranannya untuk mempertinggikan kegiatan-kegiatan kebudayaan berbilang kaum antara belia-belia kita dan samada kita berjaya mencapaikan matlamat-matlamat negara kita atau tidak akan banyak menggantungkan atas pelaksanaan adil semua polisi-polisi negara oleh Kementerian Kebudayaan, belia dan Sukan dan sambutan ditunjukkan oleh belia-belia berbilang kaum kepada polisi ini.

Tambahan, saya ingin menyatakan beberapa faktor-faktor yang berfaedah kepada masaalah-masaalah belia kita dalam negara ini hari ini:

(1) Kekurangan Sekolah-sekolah Vocational atau Perdagangan

Lebih ramai sekolah-sekolah seperti ini harus ditubuhkan diseluruh negara ini. Melalui perkhidmatan sekolah-sekolah ini, keciciran masa depan boleh ditransformkan menjadikan pekerja-pekerja productive supaya memberikan perkhidmatan mereka kepada program-program perindastrian dan pertanian kita.

(2) Kekurangan peluang-peluang employment

Pengangguran dalam Malaysia ialah masaalah belia. Sebab ini, saya merasakan bahawa rancangan cukup dibuat supaya diarahkan masaalah Belia kita kepada satu kehidupan lebih bermakna masa depan, jika bukan begitu, mereka mungkin mempunyai kelakuan rebellious dan akan memberikan satu tempat fertile bagi elemen-elemen yang anti-national.

*Kilang Nenas*

Sekarang saya hendak bercakap berkenaan Kilang Nenas FIMA di Johor, beribu-ribu pekebun-pekebun nenas kecil, bergantung sara hidup dengan menjual nenas mereka ke kilang-kilang ini. Saya difahamkan, bahawa peladang-peladang nenas ini terpaksa menjual buah-buah nenas mereka di kilang-kilang ini dengan harga yang rendah. Kenapa kilang-kilang ini tidak boleh membayar dengan harga yang lebih tinggi? Seperti yang kita tahu, sara hidup sekarang sangat tinggi. Harga baja dan bahan-bahan kimia sangat tinggi juga. Saya takut, jika perkara ini tidak dibaiki, mereka akan terpaksa meninggalkan kebun-kebun nenas mereka, untuk mencari cara hidup pada jalan lain.

Ini juga akan menyebabkan pengganguran di Negeri kita. Tambahan lagi, saya difahamkan kira-kira 20-30% daripada nenas yang dibawa ke kilang-kilang ini ditolak, kerana mutunya kurang. Ini menambahkan lagi kesusahan kepada pekebun-pekebun kecil ini. Kerajaan patut memberi bantuan dan nasihat pakar kepada pekebun-pekebun kecil untuk membaiki mutu buah-buah nenas supaya jangan terbuang seperti ini. Dengan ini dapat mereka meninggikan pendapatan dari kebun-kebun nenas itu.

*Jambatan*

Bercakap tentang Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya dan Tenaga adalah mendapat peruntukan yang tinggi tiap-tiap tahun. Tetapi malangnya, sebuah jambatan dalam kawasan saya di Kluang Jalan ke Mersing sehingga sekarang, tidak ada rancangan hendak membaharui jambatan ini. Jambatan ini, telah dibina di zaman penjajahan dahulu. Jambatan ini terlalu sempit, dan tidak sesuai dengan bilangan

lalu lintas yang begitu banyak menggunakan jambatan ini. Jambatan ini duduknya di tengah-tengah bandar Kluang. Saya harap, Kementerian ini akan memberi pertimbangan dan membuat rancangan membina sebuah jambatan baharu.

*5.19 ptg.*

**Tuan Hashim bin Gera (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sebagai Wakil Bebas di dalam Dewan Rakyat ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Campuran Perikatan dan PAS terutama sekali kepada Menteri Kewangannya yang telah dapat membentangkan suatu Usul Belanjawan yang menasabah yang tidak menyusahkan keseluruhan rakyat jelata. Memang bijak dan kena pada tempatnya Kerajaan berbuat demikian.

PAS-Perikatan Kerajaan Campuran,
Dahulu bertengkar bercakar-cakaran,
Sekarang bersahabat menjadi jiran,
Duduk bersenang di atas hamparan. (*Ketawa*).

*Mengurangkan Cukai*

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Belanjawan yang dikemukakan itu menggembirakan hati rakyat kerana kenaikan cukai tidak diadakan dan menurunkan beberapa barang dagangan yang datang dari luar. Tetapi pada pendapat saya tidaklah bermakna diturunkan segala cukai-cukai atas barang yang datang dari luar negeri itu jika tidak diperktikalkan. Jika pihak yang berkuasa, Menteri Perdagangan dan Perindastrian dan Pengawal-pengawal Harga Makanan tidak memerintahkan peniaga-peniaga menjual harga barangnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan.

*Menghapuskan Kemiskinan*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita membuat apa juga rancangan belanjawan, tetapi kita tidak akan terkeluar dari hasrat dan tujuan Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua hendak menghapuskan kemiskinan, hendak menghapuskan jurang perbezaan di antara ada dengan tiada. Rakyat sedang menunggu-nunggu. Hari ini, bagi melaksanakan cita-cita demikian maka satu daripadanya, apa yang saya telah baca dalam Buku Penyemakan Rancangan Malaysia Kedua Penggal Pertama itu ialah berkenaan dengan kaum buruh. Buruh hari ini, pengangguran telah dapat dikurangkan oleh pihak Kerajaan. Saya mengakui dengan sepenuh-penuhnya, tetapi adakah Kerajaan mengetahui mengapakah buruh itu sudah dapat kurangkan pengangguran? Tidak lain tidak bukan pemuda-pemuda yang menganggur di kampung-kampung yang lepas daripada L.C.E. ataupun tamat S.P.M. yang tiada pekerjaan, semuanya telah keluar ke bandar-bandar. Pemuda-pemudanya bekerja di kilang-kilang.

Di kawasan saya yang penduduknya orang Melayu seramai 76,000, di Kawasan Parit hingga Kampung Gajah amat sukar mencari pemuda-pemuda yang berumur 20 tahun ke atas dan juga orang-orang diwasa. Kebanyakannya telah meninggalkan kampung-kampung halaman, menjadi buruh di kilang-kilang. Kerana apa? Mereka tiada dapat lagi menggantungkan nasibnya untuk mencari makan, dengan kejatuhan harga, dengan hujan dan banjirnya.

*Buruh di Kilang-kilang*

Oleh sebab yang demikian Kerajaan mestilah mengambil perhatian nasib-nasib buruh yang bekerja di kilang-kilang ini. Saya telah beberapa kali menyuarakan di dalam Parlimen yang mulia ini akan nasib buruh-buruh terutama sekali buruh-buruh bumiputra yang selalu diperbezakan gajinya dengan buruh-buruh bangsa asing. Kerajaan patutlah mengadakan Pegawai-pegawai Buruh terdiri daripada bumiputra sendiri kerana bumiputra di kilang-kilang hari ini adalah 50% daripada kaum bukan bumiputra terutamanya wanita. Di mana juga kilang-kilang dibuat hari ini buruhnya 60% terdiri daripadanya wanita. Maka patut Kerajaan mengadakan Pegawai Buruh dari kaum bumiputra khasnya jika dapat wanita supaya mereka ini dapat berunding sendiri dengan kaum wanita itu. Buruh wanita itu dapat menyampaikan hasrat rakyatnya kepada kaum sejenisnya.

*Pekerja Perak Hydro*

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini Kerajaan Pusat telah menandatangani satu perjanjian dengan Syarikat Api Letrik Ampangan Sungai Perak (Perak Hydro), 1hb Januari, 1975 Syarikat itu akan beralih tangan kepada Lembaga Letrik Negara. Tetapi apa yang mendukacitakan yang telah

disampaikan ke telinga saya, 2,000 pekerja-pekerja Perak Hydro hari ini tidak akan dapat menentukan nasibnya samada mereka itu akan dipakai oleh L.L.N. ataupun tidak. Yang demikian, saya berharap kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan mengambil satu tindakan untuk membuat satu kepastian kepada buruh-buruh itu samada mereka itu diambil balik bekerja ataupun diberikan kepada jawatan-jawatan yang lain.

*Tanah kepada Kaum Tani*

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua yang saya suka menegur Kerajaan untuk mengambil perhatian, oleh kerana dasar Kerajaan hari ini berkehendakkan rakyat semua hidup dengan aman dan mereka mendapat rezki dan kenaikan harga barang yang berlanjutan dari sehari ke sehari maka tidak ada lain jalan untuk mensesuaikan kehendak-kehendak rakyat itu ialah pemberian tanah kepada kaum-kaum tani. Pada hari ini kebanyakannya tanah-tanah di negara kita yang luas hanya didapati oleh syarikat-syarikat swasta dengan mudah, hanya dengan didapati oleh kaum-kaum kapitalis dan kaum-kaum daripada kaum feudal. Tetapi rakyat-rakyat di kampung memohon tanah untuk bercucuk tanam membanyakkan makanan dia kerana hendak mengelakkan daripada kebuluran, amat payah. Apabila rakyat memohon satu tanah setahun, dua tahun dengan pembayaran $2 mengisi borang itu tidak pun mendapat jawapan daripada Kerajaan. Hanya dijawab: Permohonan tuan selamat diterima dengan $2 akan ditimbangkan. Inilah dia yang merunsingkan rakyat. Tetapi kalau kaum kapitalis, kaum swasta hendak membuat kilang, 20 hingga 30 ekar dengan mudah sahaja. Yang demikian, saya berharap Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas mengambil perhatian terutama sekali di negeri saya, di tempat saya Parit yang penuh dengan hutan yang luas tetapi diberi kepada syarikat swasta, penduduk-penduduk di sana hendak berikhtiar bercucuk-tanam tidak pun mendapat.

Amat mendukacitakan bahawa baharu-baharu ini orang-orang Melayu dalam kawasan Ipoh telah menanam barang-barang makanan pisang dan serba jenis makanan tumbuh-tumbuhan, tetapi malangnya tanah itu dipunyai oleh lombong yang telah ditinggalkan oleh orang Cina, maka bagi pihak pegawai tanah di situ telah pergi membawa Land Rover melanyak segala tanaman-tanaman itu dan mencabutnya dengan tiada mempunyai peri kemanusiaan. Dia telah melanggar tata-tertib Rukunegara sebagai Pegawai Kerajaan. Pada hal di dalam kawasan bandar Ipoh itu ada beribu-ribu orang yang membuat tanah haram tetapi bukan bumiputra, tidak jejas, tidak berani diusek, tetapi bila tiba bumiputra di sanalah mereka menunjukkan kesombongan dan kebongkakkannya kepada bangsanya sendiri.

*Tanaman Ubi Kayu*

Saya mendapat berita dengan sah dan nyata bahawa beberapa kapitalis, kilang-kilang ubi di dalam negeri Perak telah mengusahakan lebih kurang 20,000 ekar tanah telah menanam denga ubi kayu, tanah haram, maka Kerajaan Negeri telah beberapa kali memberi notis kepada mereka, tetapi dalam masa yang akhir ini Exco Negeri Perak akan membawa ke dalam Persidangannya dan akan meluluskan tanah itu diberi kepada kapitalis yang bukan bumiputra itu dengan mudah seluas 30,000 ekar. Inilah satu kerunsingan rakyat yang belum sampai ke kemuncaknya di mana keadilan masyarakat itu diberikan kepada rakyat yang miskin.

*Cukai Pendapatan*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkenaan dengan Cukai Pendapatan baharu-baharu ini juga Menteri Kewangan telah meringankan Cukai Pendapatan kepada isteri-isteri Pegawai-pegawai Kerajaan yang gajinya ke bawah daripada $5,000 setahun. Tetapi saya harap kepada Menteri Kewangan dan Kerajaan mengkaji semula cukai pendapatan yang dikenakan kepada anak-anak kakitangan Kerajaan kerana Cukai Pendapatan itu dibuat adalah 1963 tetapi hari ini 1973, harga barang-barang melambung tinggi, patutlah kerajaan menilaikannya dengan lebih tinggi lagi, menyenangkan ibu bapa yang banyak mempunyai anak.

*Badan-badan Berkanun*

Selain daripada itu, saya berharap bagi pihak Kerajaan mengambil perhatian kepada badan-badan berkanun yang didirikan oleh Kerajaan yang dibantu dengan wang kerana

hendak membaiki taraf hidup rakyat terutama orang-orang luar bandar dan bumiputra seperti Perbadanan Kemajuan Negeri dan juga PERNAS, dalam melaksanakan ekonomi rakyat bumiputra terutama hak orang-orang Melayu di luar bandar. Tidak ada satu yang sampai. Faedah-faedah yang dibuat oleh PERNAS itu kepada rakyat-rakyat di luar bandar tetapi faedah yang didapati oleh pemimpin-pemimpin, kakitangan PERNAS itu memang ada kepada mereka. Rakyat hanya mendengar bunyi, laksana gendang kosong dipukul, tengokkan di dalamnya lompang sahaja.

*Perbadanan Kemajuan Negeri Perak*

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah Perbadanan Kemajuan Negeri, misalnya di Negeri Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak ditubuhkan kerana menolong rakyat, tetapi dia bukan menolong, dia menindih rakyat. Beberapa banyak tanah di kawasan Ipoh yang telah didapati oleh rakyat untuk membuat tapak rumah, datang Perbadanan Kemajuan Negeri Perak ambil, kerana Exco benarkan dia boleh menjayakan. Orang ini tidak usah buat tapak rumah bagi Perbadanan Negeri Perak buat rumah kompleks.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak sendiri ditipu oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Pada masa Yang Amat Berhormat itu hendak datang melawat ke negeri Perak, turun daripada kapalterbang menempohlah tanah yang seluas lebihkurang 10 ekar yang sudah diambil oleh Perbadanan Kemajuan ini daripada orang yang sudah dapat dirampas, dibawanya 3 bulldozer, 10 tractors dibajaknya. Yang Amat Berhormat Tun naik motokar, tengok, wah! majunya Perbadanan Kemajuan Negeri. Bila dalam ucapan di Town Hall, saya hadir, Tun sendiri memuji. Esok Tun balik naik kapalterbang, iapun berangkat maka tinggallah dia terbengkalai di situ. Inilah satu perbuatan yang menipu rakyat dan menipu Kerajaan.

*Perumahan*

Baharu-baharu ini telah di buat rumah sebanyak 50 yunit di Jalan Jelapang, rumah murah untuk diberikan kepada rakyat yang tiada berumah. Rumah itu hendak didirikan dan dikeluarkan borang. Siapa hendakkan rumah maka dikeluarkan 5,000 borang. Satu borang $200 siapa hendakkan rumah. Maka berduyun-duyun rakyat pergi menghantar kerana inginkan rumah. Adapun rumah dibuat di Manjoi banyak yang sudah dilalu oleh bulldozer oleh Pegawai Daerah.

Bila rumah itu siap hanya 50 buah, $200x 5,000 dia dapat lebih kurang $100,000 telah dibuatkan modal untuk 50 buah rumah, dijualkan dengan harga $15,000. Mengikut perangkaan orang biasa, technical, nilai rumah itu lebih kurang $9,500. Diluarnya sahaja batu, itupun bukan batu bata, batu simin, di dalamnya plywood dan asbestos, maka terbengkalailah rumah itu dan beberapa orang yang tidak dapat pergi menyerbu ke pejabat SEDC berkehendakkan wang itu dan memekek-mekek setengahnya "beri wang kami balik". Dia kata tunggu selama 3 tahun dengan tidak ada interest. Inilah yang Kerajaan patut memerhatikan Perbadanan Kemajuan Negeri yang semacam ini kerana bukan dia menolong rakyat tetapi dia berniaga kepada rakyat. Bukan sahaja saya dengar yang berlaku di negeri saya, tetapi ada juga setengah badan SEDC di Negeri-negeri lain kononnya hendak menolong rakyat, buat hotel beri kepada bangsa asing. Maka Kerajaan patut mengambil perhatian supaya tujuan-tujuan yang asal itu dapat dijalankan, dapat dipenohkan dan puaslah hati rakyat. Rakyat akan cinta kepada Kerajaan rakyat akan menyokong Kerajaan dengan seboleh-bolehnya selagi ada nyawa di kandung badan biarkan Perikatan memerintah negeri ini asalkan memberi faedah pada seluruh rakyat bukan segelintir manusia yang mencari kesempatan di dalam Perikatan.

*Undang-undang Membawa Senjatapi*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya menegaskan kepada Kerajaan, tiap-tiap satu undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan hendaklah tegas. Jika undang-undang tidak tegas dibuat oleh Kerajaan, maka beberapa perkara akan dapat diselewengkan oleh orang yang diharapkan. Misalnya pada tahun yang lalu kita telah meminda satu undang-undang di dalam Parlimen ini, hanya 2 parti sahaja yang menentang iaitu PPP, sebelum dia bersatu dengan Perikatan, dan DAP. Undang-undang Membawa Senjatapi, barang siapa membawa senjatapi ditubuhnya pergi merompak, atau menyamun, atau peras ugut, walaupun

tidak digunakannya senjatapi itu, dia akan dihukum gantung sampai mati. Tetapi apa yang telah berlaku kepada Kopral Yap yang ditembak mati di Pekan Setapak? Penjahat yang menembaknya tidak pun dihukum gantung hanya kena 3 tahun. Undang-undang sudah diluluskan jadi dengan sebab itu bila undang-undang tidak ditegaskan, maka penjahat akan berani membuat sesuatu.

*Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*

Begitu juga baru-baru ini, saya dapat tahu ada satu undang-undang berkenaan kemasukan penuntut-penuntut ke dalam Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Hendaklah diterima mereka yang hendak mengambil diploma disitu penuntut-penuntut yang telah mendapat ijazah daripada sebuah universiti yang diakui oleh Kerajaan Malaysia, tetapi hari ini ada di dalam Fakulti Pendidikan Universiti Malaya itu yang bukan mendapat ijazah tetapi dapat ijazah daripada Nanyang Universiti, dan ada yang dapat daripada Universiti di Amerika yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Dengan sebab itu, maka bagi pihak Pengetua Fakulti itu dengan sukacita telah meletakkan jawatan, kerana tidak tegas undang-undang yang dibuat di dalam negara ini.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sedikit pandangan moga-moga akan dapat panduan jua kepada Kerajaan.

*5.37 ptg.*

**Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (Kota Star Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap dua tiga empat perkara di atas dasar am Kerajaan berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 dan Usul Anggaran Pembangunan, 1974 yang sedang dikemukakan dihadapan kita pada masa sekarang ini.

*Pelajaran*

Yang pertama, saya akan sentohkan bersabit dengan pelajaran. Perbelanjaan negara yang paling besar ialah perbelanjaan di bidang pelajaran sepertimana yang kita ketahui di dalam ucapan Menteri Kewangan di muka surat 29 tempoh hari yang lalu bahawa perbelanjaan yang terbesar itu boleh jadi disebabkan perkembangan baru di bidang pelajaran dan melaksanakan syor-syor Suruhanjaya Aziz sebagai satu system pelajaran yang dinamis dan progressive yang sedang berkembang di masa sekarang ini. Walaupun, perkembangan ini sepatutnya sesudah lama bermula dari masa kita mula mencapai kemerdekaan dahulu, tetapi barangkali agaknya di masa itu saki-baki pengaruh penjajahan masih tebal di mana agak lama juga bagi kita mengambil masa hendak mengikiskannya. Tetapi walaumacamanapun, kita tidak lupa mengucapkan syukur kepada Tuhan dengan perkembangan-perkembangan yang terbaharu ini dan berharap segala asas-asas yang kita adakan pada masa sekarang ini akan dapat menjadi tapak yang teguh dan utuh kepada jenerasi keturunan kita yang akan datang.

*Perancangan dan Perlaksanaan*

Tuan Yang di-Pertua, betolak dalam peringkat permulaan sistem pelajaran yang baru inilah kita mesti berhati-hati di dalam menjalankan sesuatu. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana berjayanya merancangkan satu belanjawan yang begitu banyak yang akan memberikan sumbangan yang begitu besar ke arah kemajuan anak-anak kita dan negara pada keseluruhannya di masa hadapan kelak, tetapi saya juga ingin mengingatkan di sini bahawa perancangan dan perlaksanaan adalah dua perkara yang amat berbeza. Kejayaan merancang tidak sepatutnya kejayaan melaksanakan.

*Pentadbiran Pelajaran*

Apa yang saya nampak sekarang ialah selepas perancangan maka pentadbiran pelajaran amatlah mustahak. Di negara kita pada masa ini kita mempunyai lebih kurang 5,000 buah sekolah yang dikendalikan oleh kira-kira 60,000 orang guru. Pentadbiran sekolah dikepalai oleh guru-guru besar. Dengan demikian kita mempunyai lebih kurang 5,000 Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Apa yang saya sangsikan sekarang ini ialah tidak adanya latihan khas mengenai pentadbiran yang diberikan kepada bakal-bakal Guru Besar di Maktab-maktab Perguruan memberi latihan kepada guru-guru latihan hanya di bidang iktisas sahaja bukan di bidang pentadbiran.

*Guru Besar*

Apabila seseorang guru dipilih menjadi Guru Besar, maka segala kerja-kerja mentadbir diserahkanlah kepadanya. Itu termasuklah, kerja-kerja mentadbir kewangan sekolah, perhubungan orangramai dan tugas-tugas memajukan pengajaran dan perbelanjaan sekolah. Tugas ini amatlah berat dan bebanan yang dipikul oleh Guru Besar baik di Sekolah Rendah mahu pun di Sekolah Menengah bukanlah senang.

*Institusi Pentadbiran Pelajaran*

Inilah yang menyebabkan, saya merasa hairan kenapa tidak diadakan satu Institusi Pentadbiran Pelajaran seperti Institusi Intan atau Pentadbiran Nasional untuk Pegawai M.C.S. Kita ambil contoh—Pasukan Polis ada maktab untuk melatih bakal-bakal pegawai seperti yang terdapat di Kuala Kubu Baharu, Pasukan Tentera mempunyai Staff Kolejnya, tetapi bagi guru besar pula kalau adapun kursus tadbiran untuk Guru Besar hanya merupakan kursus dalam masa cuti dalam tahun ini sahaja.

Saya berpendapat kursus tadbiran ini untuk Guru-guru Besar tidaklah boleh dijalankan dengan sepenuhnya melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan. Di sini bukanlah pula saya menafikan kebolehan Guru-guru Besar, tetapi saya berpendapat guru-guru kita ini akan lebih efficient atau lebih mahir lagi sekiranya satu Institiut Tadbiran Pelajaran dapat diadakan dengan segera. Dengan adanya institiut itu nanti bakal-bakal Guru-guru dilatih dan diuji kebolehan tiap-tiap seorang dan kemudian dilantik di sekolah-sekolah yang sesuai mengikut kebolehan masing-masing. Oleh kerana institiut ini satu yayasan pengajian yang tetap, jadi dengan tenaga pengajarnya pun adalah pegawai yang tetap, juga dan bukan pegawai part-time seperti kursus dalam masa cuti yang diadakan sekarang. Dengan ini baharulah ada continuity atau sambungan mengenai selok-belok pentadbiran sekolah dari semasa ke semasa. Institiut ini juga akan memberikan feed-back atau pengetahuan balik kepada para pensyarah di Maktab Latihan Guru, Jemaah Nazir Sekolah dan lain-lain badan yang berkenaan.

Jika kita tinjau bahawa ada lebih kurang 5,000 orang Guru Besar di seluruh tanahair dan jika Institiut Tadbir ini dapat melatih 200 hingga 400 orang Guru Besar setiap tahun, ini bermakna akan mengambil jangka waktu 10 tahun atau 20 tahun untuk memberi latihan kepada semua Guru-guru Besar itu. Oleh yang demikian, saya syorkan supaya Kementerian Pelajaran dapat mengadakan satu Institiut Tadbiran Pelajaran dengan seberapa segera yang dapat demi mencapai cita-cita untuk memajukan cita-cita untuk memajukan negara melalui pelajaran.

*Keputusan Peperiksaan S.P.M./M.C.E.*

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh berhubung dengan pelajaran ialah bersabit dengan keputusan peperiksaan. Keputusan Peperiksaan Sijil S.P.M. atau M.C.E. di mana yang sama-sama kita mengetahui bahawa keputusannya selalu lambat dikeluarkan, iaitu kira-kira pada penghujung bulan April keputusan itu di isytiharkan. Ini bermakna, jika kita kira dari tarikh peperiksaan dimulakan pelajar-pelajar terpaksa menunggu keputusan peperiksaan untuk memasuki Tingkatan VI selama satu penggal dan selepas itu pula mereka terpaksa mengambil masa untuk menjalankan urusan bagi memasuki belajar di Sekolah Menengah Atas memakan masa selama dua bulan pula, iaitu bulan Mei dan Jun dan kadangkala yang lagi mendukacitakan ada setengah-setengah pelajar terlalu lewat lagi diterima masuk untuk belajar di Tingkatan VI sehinggalah sampai kepada bulan Julai dan sesudah itu bertemu pula dengan Cuti Penggal Kedua pada hujung bulan Julai hingga bulan Ogos.

Ini bermakna pelajar-pelajar Tingkatan VI terpaksa kena rugi masa belajar mereka selama dua penggal dan ini juga bermakna masa belajar yang dirancang oleh Kementerian Pelajaran selama dua tahun itu telah tergendala, di mana pelajar-pelajar hanya dapat belajar selama $1\frac{1}{2}$ tahun sahaja, maka dengan yang demikian amatlah nyata kerugian yang mendukacitakan bagi pelajar-pelajar kita itu sendiri. Oleh itu, maka demi kepentingan pelajaran anak-anak serta kemajuan negara di medan tersebut supaya jangan menjadi rugi dan mendapat pelajaran dengan sepenuhnya seperti yang dirancangkan, maka saya syorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji lebih mendalam kepada masa-masa yang terbuang kepada suatu masa yang berfaedah. Ini adalah supaya anak-anak bangsa kita di masa

akan datang dapat mengikuti pelajaran mereka dengan sepenuhnya tanpa membuang masa dengan percuma.

*Pertanian*

Perkara yang kedua, yang saya akan sentuh di sini ialah berhubung dengan masaalah pertanian. Sepertimana yang kita ketahui bahawa Rancangan Perairan Muda telahpun bermula sejak beberapa tahun yang lalu, di mana kita dapati bahawa rancangan ini sedang berjalan dengan sederhana sahaja. Hasil yang dapat dicapai daripada rancangan tersebut belum dapat dikira begitu penuh mencapai kehendaknya yang kita cita-citakan. Oleh kerana barangkali projek itu masih lagi di dalam peringkat awal ataupun peringkat percubaan, tetapi apa yang saya rasakan kurang senang bagi fikiran rakyat di masa sekarang ini, walaupun hasil itu sederhana, cukai air atau taliair di kawasan tersebut telahpun dikenakan begitu tinggi, di mana menjadikan cukai hasil tanah sekarang ini jadi dua kali ganda, tetapi apa yang sepatutnya pada fikiran saya Kerajaan hendaklah terlebih dahulu memberi subsidi ataupun mengurangkan cukai tanah kepada petani-petani di kawasan perairan tersebut seperti di tingkat yang sebelum projek ini diadakan kepada beberapa tahun yang difikirkan patut untuk percubaan, sepertimana yang dibuat oleh Kerajaan kepada projek-projek rancangan seperti FELDA dan taraf perintis pada kilang-kilang baharu yang dijalankan dan didirikan sebagai peringkat percubaan kepada projek-projek baharu. Jika ini dapat dibuat, saya rasa petani-petani akan bekerja dengan lebih gigih dan bersemangat serta memandang berat kepada usaha-usaha Kerajaan untuk mengadakan projek demi kepentingan mereka di masa sekarang ini. Dari itu akan timbullah rasa insaf dan timbangan yang jujur dari rakyat seluruhnya kepada Kerajaan. Oleh itu, saya syorkan kepada Kerajaan supaya memberi subsidi kepada petani-petani di kawasan perairan di negara kita khususnya di kawasan Perairan Muda.

*Rancangan Ugama di Talivisyen*

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya akan sentuh di sini ialah berhubung dengan masaalah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Bila kita rujukkan kembali kepada salah satu daripada tujuan Kementerian Penerangan dan Penyiaran, kita dapati ia ada menyatakan bahawa di antaranya mengadakan bahan-bahan yang sesuai untuk pendidikan am, penerangan dan hiburan.

Di sini apa yang menarik perhatian saya untuk dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah pendidikan am yang mana terkandung di dalamnya pendidikan ugama melalui Talivisyen kita. Apa yang kita ketahui bahawa Rancangan Ugama Islam di dalam Talivisyen tersebut diberi peluang sebanyak dua kali sahaja di dalam satu minggu. Memandangkan kepada Rancangan Ugama suatu rancangan yang sangat mustahak lebih-lebih lagi dalam masa kita bergiat untuk membangunkan rohani di samping pembangunan-pembangunan yang lain rasa saya peruntukan sebanyak dua kali di dalam satu minggu itu tidak mencukupi kerana masih banyak perkara-perkara yang menyangkut dengan ugama belum dapat disampaikan. Rancangan Cahaya dan rancangan-rancangan lainnya seperti yang telah diadakan tidak begitu banyak berkesan kerana ia merupakan sebagai syarahan umum bagi ugama sahaja. Susah bagi pendengar untuk mengikuti dari satu peringkat ke satu peringkat dengan niat untuk mendalamkan ugama di dalam satu-satu bahagian yang tertentu.

*Dakwah Am*

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya di dalam rancangan tersebut bolehlah dikatakan sebagai dakwah am sahaja, tetapi apa yang saya kehendaki di dalam hal ini supaya Rancangan Ugama dapat lebih berkesan lagi dan lebih berfaedah kepada pendengar-pendegar siaran ugama dalam talivisyen hendaklah dibuat satu bahagian khas, di mana bahagian ini dikelolakan oleh orang-orang yang benar-benar berkeahlian di dalam hal-ehwal ugama dan tugas-tugasnya adalah tetap, bukan sambilan di bahagian itu sahaja serta siaran mengenainya juga hendaklah dirancangkan terlebih dahulu mengikut bahagian-bahagian ugama yang tertentu seperti buat peringkat pertama diadakan dalam bidang Usulluddin; kedua, Fekah; ketiga, Tafasir Koran dan seterusnya bagi jangka-jangka waktu yang tertentu samada pendek atau panjang dan siaran mengenainya pula hendaklah diadakan berperingkat-peringkat seperti peringkat dewasa dan kanak-kanak.

Dengan berbuat demikian, saya berpendapat pada suatu jangka waktu yang tertentu di masa hadapan pendengar-pendengar yang berminat dapatlah sampai kepada matlamatnya yang tertentu bagi pengetahuan mereka di bidang ugama dan tidaklah dijadikan tenaga bagi mengadakan rancangan Talivisyen itu terbuang begitu sahaja. Siaran serupa ini sebenarnya telahpun dijalankan oleh Kementerian ini di Bahagian Radio dan itu amatlah disanjung tinggi oleh rakyat dan peminat-peminatnya. Kalau Kementerian ini dapat mengadakan siaran yang serupa itu di Bahagian Radio mengapa Kementerian ini tidak dapat mengadakannya di dalam Bahagian Talivisyen pula.

*Bahagian Khas Ugama Islam*

Saya berpendapat bahawa tidak ada sebabnya maka Kementerian itu tidak boleh melaksanakan. Kalau benar-benar berminat untuk membimbing rakyat ke arah pembangunan, rohani dan akhlak yang sihat di masa sekarang dan akan datang. Dengan yang demikian, saya syorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan bahagian khas berhubung dengan Ugama Islam di dalam Talivisyen Malaysia seperti yang telah saya sebutkan tadi.

*Lawatan Ahli-ahli Parlimen*

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang saya akan sentuhkan di sini ialah bersabit dengan Parlimen. Untuk menambahkan lagi pengalamanan Ahli-ahli Parlimen kita kepada peringkat yang lebih baik, saya fikir patutlah Kerajaan mengadakan beberapa rancangan khas untuk Ahli-ahli Parlimen, lebih-lebih lagi Ahli-ahli Parlimen yang baharu, iaitu dengan mengadakan:

(1) Lawatan Ahli-ahli Parlimen kepada beberapa projek atau indastri di dalam tanahair kita;

(2) Mengadakan taklimat khusus di semua Kementerian untuk menerangkan kegiatan-kegiatan dan kemajuan-kemajuan yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian yang berkenaan; dan

(3) Membanyakkan lagi rombongan lawatan Ahli-ahli Parlimen ke luar negeri.

Muga-muga dengan berbuat demikian baharulah pengalaman Ahli-ahli Parlimen bertambah dan fikiran yang akan dikeluarkan di dalam Dewan yang mulia ini baharulah benar-benar matang.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar dan melihat sebahagian dari Ahli-ahli Parlimen kita yang berkesempatan ke luar negeri dapat membawa kembali bersama-sama mereka idea yang baik lagi bernas yang dicetuskan oleh fikirannya sendiri sebagai hasil dari lawatan yang dibuatnya itu dan pandangan mereka dengan secara tidak disedari berubah kepada peringkat yang lebih matang, liberal, progresif dari masa yang lalu. Inilah faedahnya yang dapat dinikmati oleh negara apabila mengadakan rancangan lawatan Ahli-ahli Parlimen ke luar negeri. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan lebih banyak lagi lawatan Ahli-ahli Parlimen ke luar negeri atau kepada projek-projek dan indastri dalam tanahair kita serta memberi taklimat khususnya kepada mereka oleh semua Kementerian yang ada dalam negara kita.

*Cukai Pendapatan*

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima saya akan sentuhkan dalam ucapan saya ialah bersabit dengan cukai pendapatan. Pada masa ini kita dapati lapuran mengenai keciciran-keciciran sedang heboh diperbincangkan orang mulai dari ahli-ahli politik, pendidik sehinggalah kepada pelajar-pelajar kita. Syor-syor untuk memperbaiki keadaan ini telahpun dikemukakan.

Perkara yang saya hendak bangkitkan dan yang saya hendak kaitan dengan keciciran ini ialah peluang-peluang pekerjaan kepada gulungan yang tidak mempunyai kelulusan seperti S.R.P., L.C.E. atau S.P.M. untuk bekerja. Sekarang ini gaji Pegawai-pegawai Kerajaan samada Pegawai Ikhtisas atau Separuh Ikhtisas adalah agak tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain atau pada masa yang lampau tetapi pegawai-pegawai itu juga dikenakan Cukai Pendapatan mengikut kadar yang tertentu. Jadi, saya suka syorkan di sini supaya kelonggaran cukai pendapatan yang berpatutan kepada pembayar-pembayar cukai yang menggaji golongan yang saya sebutkan tadi iaitu gulungan yang tidak mempunyai

kelulusan yang minima. Jika kelunggaran seperti itu dapat diadakan, saya percaya ramai pembayar cukai akan mengambil anak-anak muda itu untuk menjadi orang-orang gaji mereka. Ini akan menghindarkan anak-anak gadis belasan tahun yang tidak mempunyai pekerjaan daripada terjerumus ke lembah maksiat dan sebagainya lagi. Begitu juga pemuda-pemuda yang tidak mempunyai kelulusan akan mendapat pekerjaan-pekerjaan di rumah-rumah itu dan wang gaji yang mereka terima itu akan dibelanjakan di negara kita dan ini akan menggalakkan pengeluaran bahan-bahan tempatan.

Dari segi simajikan pula terutamanya di kalangan isteri-isteri dan suami-suami yang bekerja kedua-duanya keselamatan rumahtangga dan layanan anak-anak mereka di rumah akan lebih teratur dijaga.

Keadaan memberi pekerjaan kepada penggangur-penggangur tanpa kelayakan ini agak serupa dengan pada satu masa dahulu ada budak jaga kereta di bandar-bandar tetapi pihak Kerajaan telah mengadakan atendan tempat simpan kereta yang diberi gaji. Sekarang ini bukan sahaja motokar kita menjadi lebih selamat, tetapi kita juga telah berjaya dapat mengadakan peluang-peluang kerja kepada penggangur-penggangur di tanahair kita.

Ada pun tentang cara atau syarat kelonggaran cukai itu diadakan itu terpulanglah kepada pihak yang tertentu membuatnya. Saya menyuarakan syor ini dengan niat ikhlas iaitu di samping kita menggalakkan dan memberi perangsang kepada anak-anak kita supaya melanjutkan pelajaran, hatta ke universiti-universiti. Adalah menjadi satu kenyataan yang baik antara kita dengan yang tercicir. Jadi samada anak kita itu cicir atau berjaya adalah menjadi tanggungjawab kita semua berusaha supaya berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan hendaklah diberi kepada belia-belia yang kurang bernasib baik ini dan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, jika rakyat yang ada wang untuk dibelanjakan itu diberi peluang untuk membelanjakannya. Salah satu daripada usaha ke arah ini ialah memberi kelonggaran cukai pendapatan kepada mereka yang menggaji belia-belia itu.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dengan serba ringkasnya dan saya ucapkan terima kasih.

*6.00 ptg.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan ucapan anggaran belanjawan negara kita bagi tahun 1974 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Pertama sekali, sebagaimana yang kita sedia maklum dan tahu perkara-perkara yang dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan Rakyat di Dewan Rakyat untuk langkah-langkah dan perhatian Kerajaan untuk kepentingan rakyat dan negara nampaknya saya tidak puas hati pada masa sekarang. Kementerian-kementerian tidak begitu ambil langkah atas sesuatu perkara yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Saya mencadangkan pada masa yang akan datang apabila Ahli-ahli Dewan Rakyat membawa sesuatu perkara demi kepentingan rakyat tiap-tiap Kementerian hendaklah mengambil langkah dan lepas itu beritahu keputusannya kepada Ahli Parlimen yang membawa hal kepada Dewan Rakyat. Tidaklah bermakna jikalau Ahli-ahli Parlimen membawa satu-satu perkara, perkara itu tidak diambil langkah oleh Kementerian yang berkenaan.

(*Dengan izin*) Just a few days ago our Prime Minister gave all Malaysians added hope and confidence with his Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan and after that Report, the people were generally much relieved to know that the Budget for the year 1974 would not be pinching their pockets further for this Budget has been introduced at a very difficult time.

Tuan Yang di-Pertua, we may call this Budget as a mild, soft or gentle one, but the people of this country were greatly concerned and worried as to whether the axe would fall further on their heads. To me this Budget seems to be a fair one, but it does not seem to reduce the pressure on the poor people even a bit at all. The poor people will continue to bear the burden as

the prices of essential commodities have not been reduced. The lifting of tariff and import duties on a number of commodities does not affect the poor people.

Tuan Yang di-Pertua, I am aware, I appreciate, and I am deeply grateful to the Government for all the strenuous measures taken to contain and control the rise in the price of commodities in the country, but still there are many ways and means to introduce stringent measures to combat exploitation.

Tuan Yang di-Pertua, I am aware that the Prime Minister and his Government have spent many sleepless nights over the situation prevailing in the country for quite some time. But the people who are carrying out the orders of enforcement have not been able or have been rather weak or negligent in carrying out strict enforcement to continuously check places of business. There is a great lack of publicity of actions taken against those who have contravened the Government order not to increase the prices of commodities without proper authority.

We, Malaysians, sincerely accept that there have been sharp increases in the prices of almost everything in the country due to imported inflation, but let us make sure that the so-called imported inflation does not prevail for a much longer period or permanently in the country. Tuan Yang di-Pertua, I suggest that there should be more publicity over radio and television that the present situation of increased cost of living is due to a world-wide phenomenon.

People are asking me why the cost of living in this country has been continuously going up for more than a year even though our primary products such as rubber, tin, palm oil and timber have fetched very high prices in world markets. Tuan Yang di-Pertua, not only our rubber, tin, timber and palm oil have fetched very high prices and brought revenue to the country, but, in the words of our Minister of Finance, I quote,

> "During this year the prices of copper, food grains, soyabeans and cocoa all rose steeply. The prices for cocoa and soyabeans alone increased from a price index base of 100 points at the beginning of this year to 250 and over 300 during the middle of this year."

The price of tin rose to $1,026 last Saturday—the highest tin price in history and our country is one of the largest tin-producing countries in the world.

Tuan Yang di-Pertua, if the prices of these rich primary products continue to fetch such substantial prices, I suggest to and call upon the Minister of Finance to reduce the prices of some of the most important and essential foodstuffs in the country, so that it would tremendously help our poor people. I hope our Government will show mercy and compassion to our people as they are at present undergoing a very difficult period.

*Malaysianisation*

Tuan Yang di-Pertua, I believe that it is the policy of our Government to Malaysianise top and important positions at present held by expatriates by 1975, except highly technical and professional posts where Malaysians are not available to fill these positions. But I wish to inform this House that especially in the private sector all top positions are still held by expatriates, except jobs such as Personnel Managers and Public Relations Officers and Supervisors and these officers are paid wages like clerks and have to stand to attention when a European passes by. I wish to have a reply to this from the Ministry concerned as this is a very important policy matter. Sometimes our people do not feel that this country is an independent country because of the behaviour of the expatriates towards our fellow Malaysians.

*Education*

I recommend that the 10% assistance given to the poor schoolgoing children at present in our country be raised to 25% and the Government should substantially increase scholarship to poor children right up to the University level. This will be in line with the present policy of the Government to eradicate poverty and restructure our society.

Tuan Yang di-Pertua, I regret to inform you that at present very few scholarships have been given to the children of poor people in the country. There has been many an instance where an outstanding student had to stop schooling because he could not afford to go for further studies.

*Coalition Government*

I recommend and suggest the setting up of a Development Consultative Committee at Central level so that our Central Government would be able to exploit the services, the experiences and ability of leaders like the Chief Minister of Penang.

Tuan Yang di-Pertua, with the support and assistance from our Central Government, the Chief Minister of Penang has been able to carry out remarkable progress. Much development and achievement have been brought to Penang under him. These services and advices should be fully exploited by our Government in the interest of the people and the country in the same spirit of the Coalition agreement.

*Foreign Policy*

I call upon our Government to send a strongly-worded protest to the Government of the United States of America over their blatant and highly hostile attitude towards the Arab States in the Middle East conflict. Tuan Yang di-Pertua, owing to American support and assistance the Israelis have been adamant and have continuously refused to withdraw from occupied territories since 1967. There should be world-wide and mass protest against American foreign policy in relation to the Middle East. Tuan Yang di-Pertua, I am not pro-Arab or anti-Israel, but I cannot understand the Israelis wanting secure borders in neighbouring countries. The Americans and the Israelis must realise that the tide is changing in favour of the Arab countries and that the Arabs will be the ultimate victors. Yesterday, the American House of Representatives approved emergency assistance of $5,500 million as emergency military assistance to Israel and rejected a Motion to adopt the 1967 United Nations Resolution calling on Israel to withdraw from occupied territories.

*M.P.'s Position*

Tuan Yang di-Pertua, M.P.s represent the various States in Parliament but they are not given opportunities to serve in many of the State Committees in their respective States. A State Assemblyman has more responsibilities in his State than an M.P., who merely attends Parliament meetings. I am not suggesting that an M.P. should be appointed as an Executive Council member, but he should be allowed to do some useful work in his State rather than attending parties and dinners.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini berharap serta berdoa Kerajaan kita akan berjaya dalam segala rancangan dan membawa kemakmuran dan kemajuan kepada rakyat dan negara kita.

*6.08 ptg.*

**Tuan Chan Siang Sun (Bentong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita bagi Belanjawan tahun hadapan.

Menyokong usul ini saya ingin menyebut atas satu masaalah yang mustahak dalam konteks pembangunan negara kita. Pada minggu lalu dalam Dewan ini, kita telah meluluskan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, iaitu satu blue print untuk pembangunan negara kita bagi kepentingan-kepentingan semua community dalam negara ini. Pada hari ini saya ingin menyatakan khasnya dalam tajuk populasi dan rancangan keluarga dalam konteks pembangunan negara.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa hari ini manusia menghadapi dua masaalah yang merbahaya. Dua masaalah itu ialah explosi populasi dan kekotoran alam sekeliling (polusi). Dalam negara-negara yang lebih maju dan berindastri seperti Amerika Syarikat, Canada dan Jepun, polusi menjadikan satu masaalah yang mengancam serta memburukkan kualiti alam sekeliling dalam negeri-negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Negara-negara yang sedang maju di mana polusi belum menjadikan satu masaalah yang merbahaya explosi populasi dalam wilayah-wilayah ini ialah satu perkara yang menarik perhatian manusia dan jika dibenarkan terus-menerus, survival negara-negara sedang membangun akan menjadikan satu masaalah serious. Adalah didugakan bahawa Negara-negara Asia dan Timur Jauh mengandungi lebih separuh populasi dunia ini. Jikalau 800,000,000 rakyat Republik Cina tidak dikirakan, Asia pun mengandungi lebih kurang 40% manusia dan lebih kurang 2/3 populasi dunia sedang membangun.

Pembiakan populasi ini ialah lebih kurang 2 hingga 3% setahun dan tinggal dalam tanah lebih kurang 11% jumlah tanah dunia ini. Mengikuti pertubuhan kesihatan dunia, 11% populasi Asia mendapatkan pembekalan air yang baik sahaja, bila ada sedikit kecil peratus orang tinggal di dalam kawasan yang dibekalkan dengan air pipe.

Malaysia ialah sebuah negara yang maju pesat, mengikuti kajian semula Rancangan Malaysia Kedua peratus rumah-rumah mempunyai air paip 40.5% dan peratus rumah-rumah mempunyai kemudahan tandas ialah 69.8%, sebab ini, pembiakan penduduk dan kemiskinan ialah dua ancaman besar yang harus dihadapi oleh Negara sedang membangun dan harus dihapuskan jikalau Negara-negara itu ingin menikmati hasil kemakmuran ekonominya pada masa sekarang polusi dan kerosakan alam sekeliling tentang ekoloji manusia oleh indastri-indastri dalam negara-negara sedang membangun seperti Malaysia belum menjadikan satu bahaya kepada alam sekeliling kita dan kesihatan rakyat kita.

Mengikut Lapuran Ekonomi Perbendaharaan 1973-1974 mengatakan "Polisi di Malaysia belum menjadikan satu masaalah yang merbahaya, tetapi masaalah ini mungkin merosotkan". Sebab ini, adalah bijak mengelakkan kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh Negara-negara Indastri dan mengambil langkah-langkah mengurangkan masaalah polusi ini. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini pembiakan penduduk dan rancangan keluarga ialah satu aspek mustahak kepada pembangunan Negara kita kerana dalam Dunia Ketiga ini adalah dilapurkan kekurangan makanan memberikan kepada populasinya, Malaysia ialah sebuah Negara yang bernasib baik kerana pada masa sekarang kita mempunyai satu populasi lebih kurang 10.9 juta sahaja. Sebab ini tidak bernasib baik bahawa dalam satu batu persegi kita mempunyai 84 orang sahaja, di Jepun satu batu persegi mengandungi 700 orang, di Ceylon 479 orang dan di Singapura satu batu persegi ialah mengandungi 8,900 orang.

*Menghapuskan Kemiskinan*

Rancangan Malaysia Kedua, ialah bertujuan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira bangsa dan membetulkan tidak seimbangan ekonomi antara komuniti-komuniti dalam Negara kita. Saya merasakan sekiranya populasi di negara ini dibenarkan membiakkan tanpa kawalan, saya takut sebarang pembangunan Negara dan kemajuan yang dicapai oleh kita akan sia-sia sahaja.

*Pertanian*

Dalam belanjawan baru ini, Kerajaan telah memberikan satu peruntukan pembangunan lebih kurang $600 juta, iaitu 30% dalam jumlah belanjawan pembangunan bagi pembangunan pertanian dan luar bandar. Jumlah wang ini sangat besar, hasil-hasil ekonomi akan berfaedah kepada rakyat dan Negara jika tidak dirosakkan oleh pembiakan penduduk itu.

*Pembiakan Penduduk*

Tuan Yang di-Pertua, mengikuti Kajian Semula ini, kadar tahunan pembiakan penduduk luar bandar ialah 2.4%. Populasi bandar telah membiakkan hingga 3.3% kerana kebanyakan penduduk-penduduk luar bandar memasuki kawasan-kawasan bandar. Mengikut Lapuran Ekonomi Perbendaharaan 1973-1974, telah menyatakan bahawa pembiakan penduduk telah menurunkan ke 2.4% dalam tahun 1970, tetapi pembiakan populasi pun sangat tinggi juga. Mengikuti Kajian Semula, Rancangan keluarga berjalan dengan pesat di kawasan-kawasan bandar. Adalah mustahak bahawa usaha-usaha yang kuat harus diambil di kawasan-kawasan luar bandar supaya memasuki fikiran rancangan keluarga kepada penduduk-penduduk di sana.

*Rancangan Keluarga*

Oleh sebab rancangan keluarga dan masaalah populasi ialah masaalah sangat cemas, saya merayu kerajaan mengambil usaha yang lebih kuat dan langkah-langkah lebih berkesan supaya mencegah pembiakan populasi di dalam Negara kita ini. Sebab ini saya bercadang tindakan-tindakan yang seperti berikut harus diambil secepatnya supaya mengurangkan kadar pembiakan populasi di dalam Negara ini:

(1) Mengambil lebih banyak jururawat-jururawat dan memberikan latihan kepada mereka.

(2) Memberikan Pelajaran Rancangan Keluarga kepada pembangunan luar

bandar melalui komunikasi mass media seperti talivisyen radio dan Pusat-pusat Kesihatan.

(3) Memsubsidisekan harga ubat-ubat pencegah kelahiran.

(4) Mengembangkan Pelajaran Rancangan Keluarga di kelas dewasa dan kumpulan belia dan institusi-institusi Wanita.

Pada akhirnya saya ingin menunjukkan bahawa populasi dalam kumpulan umur 15-19 ialah 25.7% dan mengikuti kajian semula bahawa lebih kurang separuh populasi dalam Negara ini ialah kaum wanita iaitu adalah 1.1 juta orang wanita dalam Negara ini. Mengikuti Para 631 Kajian Semula, adalah beberapa acceptor-acceptor rancangan keluarga baru dalam tahun 1971-1973 ialah 68 ribu atau 14.8% sahaja. Sebab ini, saya bercadang bahawa usaha-usaha lebih kuat harus diambil supaya meninggikan penerimaan rancangan keluarga dan kerajaan harus menggunakan tenaga dan usaha lebih besar supaya mencegah pembiakan populasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab ini, saya menyokong peruntukan-peruntukan yang diberikan khasnya kepada kesihatan dan rancangan keluarga dalam Belanjawan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bekerjasama memendekkan ucapannya. Dengan itu adalah diharap lebih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Jadi saya minta supaya dipendekkan ucapan-ucapan yang akan dibuat kelak.

*6.10 ptg.*

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara):** Saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 yang merupakan satu perbekalan yang tidak menyusahkan rakyat dan saya mengambil peluang ini mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya berpendapat kita adalah sebuah negara yang bertuah mempunyai seorang Menteri Kewangan yang cukup bijak dan pakar dalam kewangan. Kalau tak silap saya kita mempunyai seorang Menteri Kewangan yang paling lama sekali berkhidmat sebagai Menteri Kewangan dalam dunia ini. Saya percaya Menteri kita memegang satu rekod yang cemerlang.

*Menaikkan Harga Barang*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bagaimana kita biasa dengar kejadian-kejadian yang berlaku pada tahun-tahun yang lalu manakala dibentangkan belanjawan berikutan dengan pembentangan dan kelulusan belanjawan itu, maka terbitlah beberapa perkara yang mana peniaga-peniaga kita sengaja mengexploitkan kedudukan atau keadaan situasi berkaitan dengan kelulusan perbekalan itu, dengan menaikkan harga barang-barang. Saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya mengawasi bersungguh-sungguh di atas esploitasi orang yang tidak bertanggungjawab ini yang sengaja menaikkan harga barang-barang dan menyalahkan kepada Kerajaan. Ini seringkali berlaku manakala suru-suri rumahtangga atau kita sendiri pergi ke kedai membeli barang-barang, bila kita tanya kenapa barang ini naik, disalahkannya kepada Kerajaan. Jadi, ini satu perkara yang saya harap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas supaya jangan pihak yang mengeksploitasi ini mengambil peluang.

*Pelaburan Modal*

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelaburan modal dalam negara kita ini untuk pemodal-pemodal asing kita dapati boleh dikatakan 60% daripada kekayaan, dalam negara kita ini dimiliki oleh pemodal-pemodal asing. Sebagaimana yang disebutkan, modal bumiputra cuma 1.9% modal bukan bumiputra 38.1% dan pemodal-pemodal asing itu 60%. Jadi, adakah pihak Kerajaan mengkaji perkara-perkara yang boleh mengurangkan milik kekayaan orang-orang asing itu? Sebagaimana yang disebutkan Kerajaan akan membenarkan 40% dalam jangka panjang orang-orang luar memiliki saham. Saya memikirkan itupun terlampau tinggi, patut dihadkan kepada 25% sahaja untuk orang-orang asing yang memiliki saham ataupun permodalan dalam negara kita ini. Jika kita tidak menghadkan dengan suatu had yang berpatutan boleh jadi kuasa ekonomi ini akan menjadi suatu tekanan kepada kuasa politik kita pada masa hadapan.

*Cukai Berasingan*

Tuan Yang di-Pertua, patut juga pihak Kerajaan mengkaji kemungkinan mengadakan cukai berlainan di antara warganegara kita dengan pemodal-pemodal daripada luar. Dengan ini dapat Kerajaan kita lebih lagi cukai daripada pihak-pihak orang yang datang dari luar. Cukai keuntungan maksima sekarang ini ialah 40% boleh dikatakan dikenakan kepada semua orang-orang yang mesti membayar. Saya berharap supaya Kerajaan akan mengadakan satu cara baru iaitu "different tax rate" dikenakan kepada pemodal-pemodal luar itu 60% dan kepada warganegara kita 40% sahaja. Jadi dengan itu dapat menambahkan lagi pendapatan bagi negara kita.

*Memiliki Tanah*

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat dukacita, kerana mendapat tahu bahawa pihak orang-orang asing ini semakin lama semakin banyak memiliki tanah yang dijual kepada mereka itu ataupun mereka itu mendapatkan dengan cara melalui badan-badan ataupun syarikat. Jadi sekarang sampailah masanya Kerajaan mengkaji supaya menyekat orang-orang luar memiliki tanah, cuma diberi mereka itu peluang memiliki secara lease atau pajakan selama tak lebih daripada 50 tahun misalnya. Jika kita biarkan mereka itu terus memiliki tanah pihak warganegara kita sendiripun tidak dapat memiliki tanah. Jadi, hal ini satu perkara yang akan membahayakan kedudukan warga negara kita pada masa akan datang. Saham-saham atau modal-modal yang dimiliki oleh orang-orang asing ini patut Kerajaan memberi peluang kepada bumiputra untuk menyerapkan modal-modal mereka sebanyak 60% itu dalam tempoh 20 tahun sedikit demi sedikit dengan cara membuka peluang kepada badan-badan bumiputra yang ada sekarang ini misalnya syarikat orang Melayu Unit Saham MARA, Tabung Haji dan perbadanan lain-lain menjadikan modal itu sebagai satu perusahaan joint-venture dengan orang-orang asing itu. Dengan secara macam itu kita tidaklah menyentuh kedudukan atau keadaan warganegara kita yang lain, bahkan kita tujukan kepada orang asing dengan sedikit demi sedikit dapat balik sebanyak mana yang kita kehendaki iaitu 30% modal Melayu dalam lapangan ekonomi 20 tahun yang akan datang.

*Permit Lesen*

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang sangat mendukacitakan berkenaan dengan mengeluarkan lesen untuk menjalan perusahaan. Pihak Kerajaan telahpun menguntukkan sebanyak 10% modal bumiputra di dalam perusahaan yang bertaraf perintis, tetapi sehingga hari ini kita dapati sejumlah lebih kurang $30 juta tidak dibeli oleh orang Melayu atau bumiputra. Ini satu perkara yang sangat-sangat mendukacitakan. Dan juga permit-permit lori pengangkutan dan lain-lain disyaratkan modal bumiputra masuk sebanyak 40% ataupun 49% ataupun sekurang-kurangnya 30%. Tetapi sebelum modal bumiputra itu diterima masuk dalam perusahaan, dibenarkan perusahaan, itu berjalan. Jadi orang yang mengeluarkan modal itu mendapat keuntungan berlipat ganda, sebab bumiputra tak masuk menanam modal dalam syarikat itu. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan menambah lagi suatu perbadanan yang mana perbadanan yang kita adakan sekarang ini dengan bermacam-macam nama seperti UDA, MARA, PERNAS dan lain-lain.

*Perbadanan Pembangunan Perusahaan Bumiputra (BIDA)*

Saya cadangkan supaya diadakan suatu Perbadanan Pembangunan Perusahaan Bumiputra ataupun "Bumiputra Industrial Development Authority" dengan menguntukkan modal permulaannya barangkali $10 juta, kemudian kita tambah dari semasa ke semasa supaya kita dapat beli saham yang diuntukkan kepada bumiputra dan benarkan perusahaan itu berjalan keuntungannya akan balik kepada Perbadanan itu supaya dapat dibayar balik kepada Kerajaan dalam tempoh 10 atau 20 tahun. Dengan cara itu sahaja yang saya fikir boleh memaju atau membangunkan lagi perusahaan-perusahaan bumiputra ataupun joint-venture membuat rumah, mengambil bahagian dalam pengangkutan dan perusahaan-perusahaan yang lain secara projek perintis bersama-sama. Jadi, saya berharap supaya syor saya ini akan dapat pandangan daripada pihak yang berkenaan supaya dapat kita bersungguh-sungguh mengambil bahagian secara bersama-sama dengan perbadanan-perbadanan yang lain.

*K.W.S.P. (E.P.F.)*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Dasar yang berjalan sekarang, pihak majikan bagi orang-orang yang tidak bekerja dengan Kerajaan ataupun orang luar daripada bekerja dengan Kerajaan membayar wang E.P.F. separuh dan pihak majikan membayar separuh dan dikumpulkan wang itu sehingga orang itu sampai masanya bersara. Jadi, manakala dia bersara dia dapat sepenuhnya wang yang disimpan itu dengan ditambah oleh pihak Kerajaan. Saya berharap pihak Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menukarkan dasar itu kepada satu dasar yang boleh memberi Kumpulan Simpanan Wang Pekerja kepada suatu sekim pencen yang membolehkan pekerja-pekerja di dalam perbadanan dan swasta menerima pencen sesudah habis tempoh perkhidmatannya dan bersara.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh bercakap 5-10 minit lagi esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 14hb Disember, 1973.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*